



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

LAPORAN TAHUNAN

2019
ANNUAL REPORT

PERAKUAN BERKANUN

Statutory Declaration

Selaras dengan seksyen 26 Akta Tabung Haji 1995, Lembaga Tabung Haji dengan ini menerbitkan dan telah menghantar satu salinan Laporan Tahunan 2019 dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan ini akan dibentangkan di Parlimen Malaysia.

Bagi tujuan seksyen 7 & 8 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, laporan aktiviti Lembaga Tabung Haji dan perkara-perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 juga telah dimasukkan sebagai salah satu bahagian penting dalam Laporan Tahunan 2019 ini.

In accordance with section 26 of the Tabung Haji Act 1995, Lembaga Tabung Haji hereby publishes and has provided the Minister in the Prime Minister's Department a copy of this Annual Report 2019 together with a copy of its Financial Statements for the year ended 31 December 2019 which have been examined and certified by the Auditor General. The Annual Report 2019 and the Financial Statements will be tabled in the Parliament of Malaysia.

For the purposes of sections 7 & 8 of the Statutory Bodies (Accounts and Annual Report) Act 1980, a report on the Lembaga Tabung Haji's activities and other related matters for the year ended 31 December 2019 is also incorporated as an integral part of this Annual Report 2019.



Tan Sri Md Nor Yusof
Pengerusi | Chairman
Lembaga Tabung Haji

KANDUNGAN

Contents

PERAKUAN BERKANUN Statutory Declaration

ISI KANDUNGAN Table of Contents

1 MAKLUMAT KORPORAT Corporate Information

- 1 Profil Korporat
Corporate Profile
- 2 Profil Lembaga
The Lembaga Profile
- 12 Jawatankuasa Penasihat Syariah
Shariah Advisory Committee
- 18 Carta Organisasi
Organisation Chart

20 SEKILAS PANDANG At A Glance

- 20 Ringkasan Prestasi Kewangan Lima (5) Tahun
Five (5) Year Financial Performance Summary
- 22 Operasi Haji 1440H/2019M
Hajj Operation 1440H/2019M
- 23 Pengurusan Simpanan & Khidmat Pelanggan
Savings Management & Customer Service
- 24 Pelaburan
Investment
- 25 Kumpulan Syarikat **TH**
TH Group of Companies

26 PERUTUSAN Pengerusi Chairman's Statement

- 30 Artikel Pilihan | Feature Article:
Langkah **TH** Menerbitkan Sukuk : *Memastikan
Pulangan Lestari Kepada Pendeposit*
TH's Move In Issuing Sukuk : *Safeguarding
Sustainable Returns To Depositors*

34 PENYATA TADBIR URUS Statement of Governance

- 37 Artikel Pilihan | Feature Article:
Pengurusan Risiko Kecairan Di **TH**
Liquidity Management in **TH**

42 LAPORAN SYARIAH Shariah Report

- 43 Artikel Pilihan | Feature Article:
Wakalah | Wakalah

46 ULASAN OPERASI OPERATIONAL REVIEW

- 55 Artikel Pilihan | Feature Article:
Mengukuhkan Asas **TH**
Strengthening The Foundation of **TH**

59 SOROTAN UTAMA Key Highlights

64 DIREKTORI Directory

66 PENYATA KEWANGAN Financial Statement

PROFIL KORPORAT

Corporate Profile



Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang tertakluk di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** ialah pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah haji Malaysia dan rekodnya yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji yang inovatif.

TH mempunyai sekitar sembilan juta pendeposit dengan 125 cawangan dan 10,000 titik sentuh di seluruh negara. **TH** juga mempunyai satu pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah bidang kuasa Konsulat Malaysia.

Lembaga Tabung Haji (**TH**) is a statutory body governed by the Tabung Haji Act 1995 (Act 535). **TH's** main activities are hajj management, depository services and investment. **TH** strives to provide excellent hajj services to Malaysian pilgrims and its consistent track record has gained world recognition as a role model for innovative hajj management.

TH has about nine million depositors and 125 branches with 10,000 touch-points nationwide. **TH** also operates an office in Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia under the purview of the Malaysian Consulate.

LEMBAGA

The Lembaga



Tan Sri Md Nor Yusof
Pengerusi
Chairman



Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
Pengarah Urusan Kumpulan dan
Ketua Pegawai Eksekutif
Group Managing Director and
Chief Executive Officer



Dato' Asri Hamidon @ Hamidin
Wakil Perbendaharaan
Treasury Representative




Dato' Mohd Sallehuddin Hassan
Wakil Jabatan Perdana Menteri
Prime Minister's Department Representative



Datuk Ahamed Basheer Mohd Hussain



Datuk Akbar Samon



Dato' Abdul Mutalib Mohamed Razak



Dato' Noordin Sulaiman



Prof. Dr. Ashraf Md Hashim



Tan Sri Mohd Zuki Ali
Mantan Wakil Jabatan Perdana Menteri
Former Prime Minister's Department
Representative
Tamat Perkhidmatan pada 16 April 2019
Completion of Service on 16 April 2019



Dato' Sri Zukri Samat
Mantan Pengarah Urusan Kumpulan dan
Ketua Pegawai Eksekutif
Former Group Managing Director and
Chief Executive Officer
Tamat Perkhidmatan pada 31 Ogos 2019
Completion of Service on 31 August 2019



Dato' Hasnol Zam Zam Ahmad
Mantan Wakil Jabatan Perdana Menteri
Former Prime Minister's Department
Representative
Tamat Perkhidmatan pada 1 Februari 2020
Completion of Service on 1 February 2020



Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
Mantan Wakil Perbendaharaan
Former Treasury Representative
Tamat Perkhidmatan pada 1 Mei 2020
Completion of Service on 1 May 2020



Tan Sri Abu Talib Othman
Tamat Perkhidmatan pada 9 Ogos 2020
Completion of Service on 9 August 2020



Datuk Zaiton Mohd Hassan
Tamat Perkhidmatan pada 9 Ogos 2020
Completion of Service on 9 August 2020

Sehingga 21 Disember 2020 |
As at 21 December 2020

PROFIL LEMBAGA

The Lembaga Profile

Tan Sri Md Nor Yusof

Pengerusi | Chairman

Tan Sri Md Nor Yusof berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Universiti Otago, New Zealand dan merupakan Akauntan Bertauliah yang berkelayakan. Beliau adalah alumni Wharton School AMP.

Tan Sri telah menghabiskan sebahagian besar kerjayanya sebagai Pengarah Kumpulan CIMB, terutamanya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank of Commerce (M) Berhad (sekarang dikenali sebagai CIMB Bank). Dalam tempoh tersebut, beliau turut menghadiri kursus khas “*Banking and Monetary Policy in Developing Countries*” di Harvard University.

Beliau menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 31 Mac 2006. Sebelum itu, beliau adalah Pengarah Urusan Malaysian Airline System Berhad selepas berkhidmat sebagai Penasihat dalam Kementerian Kewangan. Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan Pengerusi Malaysia Airlines Berhad.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengerusi Pelaburan Hartanah Berhad dan merupakan Pemegang Amanah Yayasan Hasanah dan CIMB Foundation.

Tan Sri Md Nor dilantik sebagai Pengerusi **TH** pada 10 Julai 2018.

Tan Sri Md Nor Yusof graduated with a Bachelor’s Degree in Commerce from the University of Otago, New Zealand and is a qualified Chartered Accountant. He is an alumnus of the Wharton School AMP.

Tan Sri had spent a significant amount of his working career with CIMB Group as a Director and more notably as President and Chief Executive Officer of Bank of Commerce (M) Berhad (now known as CIMB Bank Berhad). During that period, he attended a Harvard University special course on Banking and Monetary Policy in Developing Countries.

He completed his term as Executive Chairman of the Malaysian Securities Commission on 31 March 2006. Prior to that, he was the Managing Director of Malaysian Airline System Berhad after serving a period as Advisor in the Ministry of Finance. He was also a Board Director of Khazanah Nasional Berhad and Chairman of Malaysia Airlines Berhad.

He currently sits on the board of Pelaburan Hartanah Berhad and a Trustee of Yayasan Hasanah and CIMB Foundation.

Tan Sri Md Nor was appointed as **TH**’s Chairman on 10 July 2018.

Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif
Group Managing Director and Chief Executive Office

Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan) dari Curtin University, Perth, Australia, Felo bagi CPA Australia dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas BIMB Holdings Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan TH Plantations Berhad. Beliau juga pernah dilantik menjadi Pengerusi Cagamas Holdings Berhad dan BIMB Investment Management Berhad.

Beliau adalah mantan Pengarah Eksekutif Penyeliaan Pasaran dan Korporat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan mantan Pengerusi Eksekutif Lembaga Pemantauan Audit. Beliau pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia, ahli Panel Penilaian Operasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan ahli Jawatankuasa Penstrukturan Hutang Korporat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Beliau telah terlibat di dalam profesion perakaunan di Malaysia dan di rantau ini. Beliau merupakan mantan Presiden Institut Akauntan Malaysia, mantan Timbalan Presiden Persekutuan Akauntan ASEAN dan pernah berkhidmat di dalam Jawatankuasa Eksekutif dan Strategi Gabungan Akauntan Asia Pasifik. Beliau juga adalah mantan Pengerusi Jawatankuasa untuk memperkukuhkan profesion perakaunan yang telah mencadangkan langkah-langkah pembaharuan profesion perakaunan di Malaysia.

Datuk Nik Mohd Hasyudeen dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** pada 1 September 2019.

Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff holds a Bachelor of Business (Accounting) degree from Curtin University, Perth, Australia, a Fellow for CPA Australia and a member of the Malaysian Institute of Accountants.

He is a Non-Independent Executive Director of BIMB Holdings Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad and TH Plantations Berhad. He has also been appointed as the Chairman of Cagamas Holdings Berhad and BIMB Investment Management Berhad.

He is the former Executive Director of Market and Corporate Supervision at the Malaysian Securities Commission and former Executive Chairman of the Audit Oversight Board. He has served as a member of the Bursa Malaysia Listing Committee, a member of the Malaysian Anti-Corruption Commission Operational Review Panel, and a member of the Corporate Debt Restructuring Committee established by Bank Negara Malaysia.

He has been involved in the accounting profession in Malaysia and the region. He is the former President of the Malaysian Institute of Accountants, the former Deputy President of the ASEAN Accounting Federation and has served in the Executive Committee and Strategy Committee of the Confederation of Asian and Pacific Accountants. He is also the former Chairman of the Committee to strengthen the accountancy profession which has proposed measures to reform the accounting profession in Malaysia.

Datuk Nik Mohd Hasyudeen was appointed as the Group Managing Director and Chief Executive Officer of **TH** on 1 September 2019.

Dato' Asri Hamidon@Hamidin

Wakil Perbendaharaan

Treasury Representative

Dato' Asri Hamidon@Hamidin adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Polisi) Perbendaharaan. Beliau memperoleh Sarjana Ekonomi dari Hiroshima University, Jepun pada tahun 2006, Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1996 dan Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1990. Dato' Asri juga telah menghadiri *Harvard Premier Business Management Program* pada tahun 2010.

Beliau telah berkhidmat lebih daripada 25 tahun di beberapa jabatan dan bahagian Kerajaan termasuk Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan di Kementerian Kewangan. Dato' Asri juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bina Darulaman Berhad dan Pengarah Pembangunan Perusahaan Bersaiz Kecil Bank Malaysia Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Pelaburan Hartanah Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, Aset Tanah Nasional Berhad, GovCo Holdings Berhad, Biro Konvensyen & Pameran Protecthealth Malaysia dan Pengerusi dan Pengarah 1Malaysia Development Berhad.

Dato' Asri Hamidon@Hamidin dilantik sebagai Anggota Lembaga *TH* pada 15 Jun 2020.

Dato' Asri Hamidon@Hamidin is the present Secretary-General of the Treasury at The Ministry of Finance. Prior to this, he was the Deputy Secretary-General (Policy) of Treasury. He obtained a Master of Economics from Hiroshima University, Japan in 2006, Diploma in Public Administration from the National Institute of Public Administration (INTAN) in 1996, and Bachelor in Economics (Hons) from University Malaya in 1990. Dato' Asri also attended Harvard Premier Business Management Program in 2010.

He has served for more than 25 years in various Government departments and divisions such as the Economic Planning Unit in the Prime Minister's Department and in the Ministry of Finance. Dato' Asri is also an Independent Non-Executive Director of Bina Darulaman Berhad and Director of Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Pelaburan Hartanah Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, Aset Tanah Nasional Berhad, GovCo Holdings Berhad, Protecthealth Malaysia, Malaysia Convention & Exhibition Bureau and Chairman and Director of 1Malaysia Development Berhad.

Dato' Asri Hamidon@Hamidin was appointed as a member of the *TH*'s Lembaga on 15 June 2020.

Dato' Mohd Sallehuddin Hassan

Wakil Jabatan Perdana Menteri

The Prime Minister's Department Representative

Dato' Mohd Sallehuddin Hassan adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak 1 Februari 2020.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia.

Beliau telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun di beberapa jabatan dan bahagian Kerajaan termasuk Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Perdana Menteri.

Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dato' Mohd Sallehuddin kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2019.

Dato' Mohd Sallehuddin Hassan dilantik sebagai Anggota Lembaga **TH** pada 16 Jun 2020.

Dato' Mohd Sallehuddin Hassan is the Senior Deputy Secretary General in the Prime Minister's Department (PMO) since 1 February 2020.

He holds a Bachelor of Literature (Hons.) from University of Malaya and a Diploma in Public Management Course from the National Institute of Public Administration (INTAN), Malaysia.

He has served for more than 30 years in various Government departments and divisions such as the Ministry of Education, Ministry of Agriculture and Agro-based Industry and the Prime Minister's Department.

In 2018, he was then made the Secretary General, Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. Subsequently in 2019, Dato' Mohd Sallehuddin was appointed as the Deputy Director General of Public Service (Operation), Public Service Department.

Dato' Mohd Sallehuddin was appointed as a member of the **TH's** Lembaga on 16 June 2020.

Datuk Ahamed Basheer Mohd Hussain

Anggota Lembaga | Member of the Lembaga

Datuk Ahamed Basheer Mohd Hussain memegang Ijazah Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Islam (Al-Quran dan Qiraat) dari Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan Diploma dalam Tahfiz Al Quran wal Qiraat, dari Maahad Tahfiz, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Beliau merupakan Pengerusi Metro Utilities Group, Excel Top Resources (Malaysia) Sdn. Bhd., Click Logistics Sdn. Bhd., Maz Galeri Kreatif Sdn. Bhd. dan pernah menjadi Pengerusi Mega Signet Sdn. Bhd.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Asian Metropolitan University dan Pengarah Eksekutif Xiddig Cellular Communications Sdn. Bhd.

Datuk Ahamed Basheer dilantik sebagai Anggota Lembaga **TH** pada 26 Mac 2019.

Datuk Ahamed Basheer Mohd Hussain holds a Bachelor of Arts (Hons) degree in Islamic Studies (Al-Quran and Qiraat) from Al-Azhar University, Cairo, Egypt and Diploma in Tahfiz Al Quran wal Qiraat, Maahad Tahfiz, Islamic Center, Kuala Lumpur.

He is currently the Chairman of Metro Utilities Group, Excel Top Resources (Malaysia) Sdn. Bhd., Click Logistics Sdn. Bhd., Maz Galeri Kreatif Sdn. Bhd. and he has also served as a Chairman of Mega Signet Sdn. Bhd.

He is currently the Board Member for Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) and served as the Board Member for the Asian Metropolitan University and the Executive Director of Xiddig Cellular Communications Sdn. Bhd.

Datuk Ahamed Basheer was appointed as a member of the **TH's** Lembaga on 26 March 2019.

Datuk Akbar Samon

Anggota Lembaga | Member of the Lembaga

Datuk Akbar Samon mula menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 23 Mac 1994 di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Utama (1996-1997) dan seterusnya berkhidmat di Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia dari tahun 1997 hingga 1999.

Sekembalinya beliau dari melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) pada tahun 2001, beliau telah ditempatkan di Pejabat Perdana Menteri sebagai Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri dan seterusnya dilantik sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YAB Perdana Menteri dalam menyelia urusan luar negara dan hubungan antarabangsa sehingga tahun 2014. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah, Seksyen Kerjasama Antarabangsa, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Pada 1 April 2015, beliau dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan pada bulan Mei 2018 beliau menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri di Pejabat Perdana Menteri.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Jurukur Bahan dari University of Portsmouth (UK) pada tahun 1993 dan Ijazah Pentadbiran Perniagaan (MBA Technoentrepreneurship) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (dengan kerjasama University of Cranfield) pada tahun 2003. Beliau juga memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awan Negara (INTAN) dan Diploma Bangunan, daripada Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 1991.

Beliau telah menerima Anugerah Ketua Setiausaha Negara (KSN) 1996 (Kepimpinan) dari INTAN dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM 2004.

Beliau kini dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 1 April 2020.

Datuk Akbar dilantik sebagai Anggota Lembaga **TH** pada 11 Jun 2019.

Datuk Akbar Samon began his career in the Malaysian Civil Service as an Administrative and Diplomatic Officer on 23 March 1994 in the Research Division of the Prime Minister's Department (PMD). He was later promoted as the Assistant Secretary in the Ministry of Primary Industries (1996-1997) and later served at the Office of the Chief Registrar, Federal Court of Malaysia from 1997 to 1999.

Upon his graduation with the Master of Business Administration (MBA) degree in 2001, he was appointed to the Prime Minister's Office (PMO) as the Private Secretary to the Prime Minister and subsequently appointed as Special Assignment Officer to the Prime Minister in-charge of international and foreign Relations until 2014. He was later appointed as Director, International Cooperation Section, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.

On 1 April 2015, he was promoted to Secretary of the Division, Innovation and Human Resource Division of the PMD and in May 2018, he assumed the position of Deputy Chief Secretary to YAB Prime Minister in the PMO.

He obtained a Bachelor of Arts (Honors) Degree from the University of Portsmouth (UK) in 1993 and a Master of Business Administration (MBA Technoentrepreneurship) from the Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (in collaboration with the University of Cranfield) in 2003. He also holds a Diploma in Public Administration from the National Institute of Public Administration, Malaysia (INTAN) and a Diploma in Building, Faculty of Architecture, Planning and Surveying from the MARA University of Technology (UiTM) in 1991.

He has received the Ketua Setiausaha Negara (KSN) (Leadership) Award from INTAN in 1996 and the JPM Excellent Service Award 2004.

He is currently the Chief Executive Officer of the Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) on 1 April 2020.

Datuk Akbar was appointed as a member of the **TH's** Lembaga on 11 June 2019.

Dato' Abdul Mutalib Mohamed Razak

Anggota Lembaga | Member of the Lembaga

Dato' Abdul Mutalib Mohamed Razak memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Sains Politik dari Universiti Singapura pada tahun 1967 dan didaftarkan sebagai peguam di The Dear Society of Lincoln's Inn, London, pada tahun 1971.

Dato' Abdul Mutalib pernah menjadi Pengarah Amanah Raya Reit Management Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Amanah Raya Berhad dan bekas Pengerusi Kuala Lumpur Airport Services Sdn. Bhd. (KLAS) anak syarikat DRB-Hicom Berhad sehingga 2016.

Dato' Abdul Mutalib juga merupakan bekas Pengerusi Media Prima Berhad. Dato' Abdul Mutalib menyertai Lembaga Media Prima Berhad pada 5 Disember 2003 dan dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Media Prima Berhad pada 14 Mac 2005. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan Media Prima Berhad.

Dato' Abdul Mutalib juga merupakan anggota Lembaga Pengarah Mardec Berhad, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), di mana beliau adalah Pengerusi. Beliau juga merupakan Pengerusi Metropolitan TV Sdn Bhd (8TV), Natseven TV Sdn. Bhd. (ntv7), Ch-9 Media Sdn. Bhd. (TV9), Max-Airplay Sdn. Bhd. (Fly FM) dan Synchrosound Studio Sdn. Bhd. (Hot FM).

Dato' Abdul Mutalib adalah Setiausaha/Penasihat Undang-Undang Lembaga Pembangunan Bandar dari tahun 1972 hingga 1975. Beliau kemudiannya telah membuka firma guaman Tetuan Mutalib, Sundra & Low dan sekarang dalam firma guaman Mutalib, Wan & Co, di mana beliau adalah *Senior Partner*. Pada tahun 1984, Dato' Abdul Mutalib dilantik sebagai Pengarah Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), jawatan yang disandang sehingga tahun 1988.

Beliau juga merupakan Setiausaha Syarikat Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad dari tahun 1980 hingga 1990 dan Timbalan Pengerusi Setron (M) Berhad dari tahun 1987 hingga 1990. Beliau adalah salah seorang Presiden Tribunal untuk Tuntutan Pengguna dan menganggotai Lembaga Pengarah pelbagai swasta syarikat. Beliau juga pernah menjadi Pengarah di TH Properties Sdn. Bhd. dan Pengerusi Jawatankuasa Audit dari tahun 2011 sehingga 2017.

Dato' Abdul Mutalib dilantik sebagai ahli Lembaga **TH** pada 10 Ogos 2020.

Dato' Abdul Mutalib Mohamed Razak obtained his Bachelor of Arts (Honours) degree in Political Science from the University of Singapore in 1967 and was called to the Bar at the Honourable Society of Lincoln's Inn, London in 1971.

Dato' Abdul Mutalib was Director of Amanah Raya Reit Management Sdn. Bhd. which is a subsidiary of Amanah Raya Berhad, the Public Trustee Office of Malaysia and former Chairman of Kuala Lumpur Airport Services Sdn. Bhd. (KLAS) a subsidiary of DRB-Hicom Berhad until 2016.

Dato' Abdul Mutalib was the former Chairman of Media Prima Berhad. He joined the Board of Media Prima Berhad on 5 December 2003 and was appointed Non-Executive Chairman of Media Prima Berhad on 14 March 2005. He was also a member of the Audit Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee of Media Prima Berhad.

Dato' Abdul Mutalib was also on the Board of Mardec Berhad, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad and Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), of which he is the Chairman. He was also Chairman of Metropolitan TV Sdn. Bhd. (8TV), Natseven TV Sdn. Bhd. (ntv7), Ch-9 Media Sdn. Bhd. (TV9), Max-Airplay Sdn. Bhd. (Fly FM) and Synchrosound Studio Sdn. Bhd. (Hot FM).

Dato' Abdul Mutalib was the Secretary/ Legal Advisor to the Urban Development Authority from 1972 to 1975. He then went into private practice under the name Messrs Mutalib, Sundra & Low, later renamed Mutalib, Wan & Co, of which he is currently the Senior Partner. In 1984, Dato' Abdul Mutalib was appointed Trustee Director of Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), a post he held until 1988.

He was the Company Secretary of Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad from 1980 to 1990 and Deputy Chairman of Setron (M) Berhad from 1987 to 1990. He is one of the Presidents of the Tribunal for Consumer Claims and sits on the Board of various private companies. He was also Director of TH Properties Sdn. Bhd. and Chairman of Audit Committee from 2011 to 2017.

Dato' Abdul Mutalib was appointed as a member of the **TH's** Lembaga on 10 August 2020.

Dato' Noordin Sulaiman

Anggota Lembaga | Member of the Lembaga

Dato' Noordin Sulaiman merupakan seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Alam Sekitar daripada Universiti Putra Malaysia serta Pengajian Penyelidikan Pascasiswazah daripada Universiti Toyama, Jepun. Beliau juga merupakan pemegang Diploma Pentadbiran Awam dan Diploma Pengurusan Sains dari Institut Tadbiran Awam Kebangsaan (INTAN).

Beliau pernah memegang jawatan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 32 tahun dalam sektor kerajaan, dalam bidang tanah, pembangunan dan pentadbiran. Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perdana Menteri dan selepas itu memegang pelbagai jawatan dengan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Worldwide Holdings Berhad, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Central Spectrum Sdn. Bhd., THV Management Sdn. Bhd., TH Hotel (Sarawak) Sdn. Bhd., Express Rail Link Sdn. Bhd., Premia Cards Sdn. Bhd. dan Ecobuilt Holdings Berhad.

Dato' Noordin dilantik sebagai Anggota Lembaga **TH** pada 15 Ogos 2018.

Dato' Noordin Sulaiman is a graduate from the University of Malaya with a Bachelor of Arts (Hons) degree, Master of Environment degree from the University of Putra Malaysia and a Postgraduate Research Study degree from the University of Toyama, Japan. He also holds a Diploma in Public Administration and a Diploma in Science Management from the National Institute of Public Administration (INTAN).

He was a State Financial Officer at Selangor and has over 32 years of working experience in the government sector, in the areas of land, development and administration. He began his career as Assistant Director in the Prime Minister's Department and thereafter held various positions in the Federal, State and local government levels.

He serves as an Independent Non-Executive Director of Worldwide Holdings Berhad, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Central Spectrum Sdn. Bhd., THV Management Sdn. Bhd., TH Hotel (Sarawak) Sdn. Bhd., Express Rail Link Sdn. Bhd., Premia Cards Sdn. Bhd. and Ecobuilt Holdings Berhad.

Dato' Noordin was appointed as a member of the **TH's** Lembaga on 15 August 2018.

Profesor Dr. Ashraf Md Hashim

Anggota Lembaga | Member of the Lembaga

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim adalah Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA International Consulting Sdn. Bhd. Beliau juga ialah Penyelidik Kanan di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) dan Profesor di International Centre of Education in Islamic Finance (INCEIF).

Beliau kini ialah Timbalan Pengerusi di Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dan ahli Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah di International Islamic Liquidity Management Cooperation (IILM) dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah di Bursa Malaysia.

Di samping itu, beliau juga merupakan ahli lantikan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Penasihat Syariah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Penasihat Syariah bagi beberapa institusi pengurusan aset, khususnya di Singapura. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Beliau aktif dalam pelbagai projek konsultansi kewangan Islam di dalam dan luar negara. Antara jawatan yang disandang oleh beliau ialah sebagai Pengerusi, *Advisory Council of Experts*, Noor Takaful Nigeria, IMON Micro Credit Fund, Tajikistan dan Penasihat Syariah kepada projek Islamic Bank of Australia. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi, Panel Pakar Muamalat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sekarang sebagai ahli Panel Pakar Syariah di JAKIM.

Beliau pernah berkhidmat sebagai anggota Jawatankuasa Syariah Alliance Bank (2005-2007), Al-Rajhi Bank Malaysia (2007-2011), Syarikat Takaful Malaysia (2005-2008), ACR Retakaful Malaysia & Bahrain (2008-2011). Beliau juga pernah menganggotai Jawatankuasa Teknikal Retakaful untuk *Islamic Financial Services Board* (IFSB).

Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran (Perundangan Islam) daripada University of Birmingham, United Kingdom (1999), Ijazah Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh daripada University of Jordan, Jordan (1995) dan Ijazah Pertama (Syariah) daripada Universiti Islam Madinah, Arab Saudi (1991). Beliau juga ialah pemegang Diploma Lanjutan dalam Amalan Syariah (DSLPP) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (2000).

Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Sigma Entity Sdn. Bhd. dan Ahli Lembaga Pengarah TH Travel & Services Sdn. Bhd.

Prof. Dr. Ashraf dilantik sebagai Anggota Lembaga **TH** pada 10 Ogos 2018.

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim is the Chief Executive Officer of ISRA International Consulting Sdn. Bhd. He is also a Senior Researcher at the International Research Academy for Islamic Finance (ISRA) and a Professor at the International Centre of Education in Islamic Finance (INCEIF).

He currently sits on the Central Bank of Malaysia's Shariah Advisory Council (SAC BNM) as the Deputy Chairman and the Securities Commission of Malaysia's Shariah Advisory Council (SAC SC). He is also a member of the Shariah Committee for International Islamic Liquidity Management Cooperation (IILM) and the Chairman of Shariah Committee of Bursa Malaysia (Malaysia Exchange House).

In addition, he also serves as a member of the Fatwa Committee of National Council for Islamic Affairs, a registered Shariah Adviser of Security Commission, advising a few REIT companies particularly in Singapore and the Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM). He is actively involved in many consultation works related to Islamic finance in Malaysia and abroad, among others are as the Chairman of Advisory Council of Experts, Noor Takaful Nigeria, IMON Micro Credit Fund, Tajikistan and the Shariah Advisor for Islamic Bank of Australia project. He was also the Chairman for Panel of Experts in Muamalat Matters under the Islamic Development Division, Prime Minister's Department of Malaysia and currently as the member of the Panel of Shariah Experts of the same department.

Previously, he used to serve as a Shariah Committee for Alliance Bank (2005-2007), Al-Rajhi Bank Malaysia (2007-2011), Takaful Malaysia (2005-2008), ACR Retakaful Malaysia & Bahrain (2008-2011). He had also served as a member for Islamic Financial Services Board (IFSB) Technical Committee on Retakaful.

He obtained his PhD (Islamic Law) from the University of Birmingham, United Kingdom (1999), Master's in Fiqh and Usul Fiqh from the University of Jordan (1995) and BA in Shariah from the Islamic University in Medina, Saudi Arabia (1991). He is also a holder of a Postgraduate Diploma in Shariah Law and Practice (DSLPP) from the International Islamic University Malaysia (2000).

He was also appointed Chairman of Sigma Entity Sdn. Bhd. and a Board Member of TH Travel & Services Sdn. Bhd.

Prof. Dr. Ashraf was appointed as a member of the **TH's** Lembaga on 10 August 2018.

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Shariah Advisory Committee



Profesor Dr. Ashraf Md Hashim
Pengerusi Jawatankuasa
Committee Chairman



Dato' Al-Ustaz Hj. Ellias Zakaria



Profesor Madya Dr. Asmak Ab Rahman



Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin



Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin

PROFIL JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Shariah Advisory Committees Profile

Profesor Dr. Ashraf Md Hashim

Pengerusi Jawatankuasa | Committee Chairman

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim adalah Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA International Consulting Sdn. Bhd. Beliau juga ialah Penyelidik Kanan di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) dan Profesor di International Centre of Education in Islamic Finance (INCEIF).

Beliau kini ialah Timbalan Pengerusi di Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dan ahli Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah di International Islamic Liquidity Management Cooperation (IILM) dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah di Bursa Malaysia.

Di samping itu, beliau juga merupakan ahli lantikan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Penasihat Syariah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Penasihat Syariah bagi beberapa institusi pengurusan aset, khususnya di Singapura. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Beliau aktif dalam pelbagai projek konsultansi kewangan Islam di dalam dan luar negara. Antara jawatan yang disandang oleh beliau ialah sebagai Pengerusi, *Advisory Council of Experts*, Noor Takaful Nigeria, IMON Micro Credit Fund, Tajikistan dan Penasihat Syariah kepada projek Islamic Bank of Australia. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi, Panel Pakar Muamalat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sekarang sebagai ahli Panel Pakar Syariah di JAKIM.

Beliau pernah berkhidmat sebagai anggota Jawatankuasa Syariah Alliance Bank (2005-2007), Al-Rajhi Bank Malaysia (2007-2011), Syarikat Takaful Malaysia (2005-2008), ACR Retakaful Malaysia & Bahrain (2008-2011). Beliau juga pernah menganggotai Jawatankuasa Teknikal Retakaful untuk *Islamic Financial Services Board* (IFSB).

Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran (Perundangan Islam) daripada University of Birmingham, United Kingdom (1999), Ijazah Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh daripada University of Jordan, Jordan (1995) dan Ijazah Pertama (Syariah) daripada Universiti Islam Madinah, Arab Saudi (1991). Beliau juga ialah pemegang Diploma Lanjutan dalam Amalan Syariah (DSLPL) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (2000).

Prof. Dr. Ashraf dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada 1 Mei 2016 dan kemudian dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada 11 Januari 2019.

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim is the Chief Executive Officer of ISRA International Consulting Sdn. Bhd. He is also a Senior Researcher at the International Research Academy for Islamic Finance (ISRA) and a Professor at the International Centre of Education in Islamic Finance (INCEIF).

He currently sits on the Central Bank of Malaysia's Shariah Advisory Council (SAC BNM) as the Deputy Chairman and the Securities Commission of Malaysia's Shariah Advisory Council (SAC SC). He is also a member of the Shariah Committee for International Islamic Liquidity Management Cooperation (IILM) and the Chairman of Shariah Committee of Bursa Malaysia (Malaysia Exchange House).

In addition, he also serves as a member of the Fatwa Committee of National Council for Islamic Affairs, a registered Shariah Adviser of Security Commission, advising a few REIT companies particularly in Singapore and the Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM). He is actively involved in many consultation works related to Islamic finance in Malaysia and abroad, among others are as the Chairman of Advisory Council of Experts, Noor Takaful Nigeria, IMON Micro Credit Fund, Tajikistan and the Shariah Advisor for Islamic Bank of Australia project. He was also the Chairman for Panel of Experts in Muamalat Matters under the Islamic Development Division, Prime Minister's Department of Malaysia and currently as the member of the Panel of Shariah Experts of the same department.

Previously, he used to serve as a Shariah Committee for Alliance Bank (2005-2007), Al-Rajhi Bank Malaysia (2007-2011), Takaful Malaysia (2005-2008), ACR Retakaful Malaysia & Bahrain (2008-2011). He had also served as a member for Islamic Financial Services Board (IFSB) Technical Committee on Retakaful.

He obtained his PhD (Islamic Law) from the University of Birmingham, United Kingdom (1999), Master's in Fiqh and Usul Fiqh from the University of Jordan (1995) and BA in Shariah from the Islamic University in Medina, Saudi Arabia (1991). He is also a holder of a Postgraduate Diploma in Shariah Law and Practice (DSLPL) from the International Islamic University Malaysia (2000).

Prof. Dr. Ashraf was appointed as a member of the **TH's** Shariah Advisory Committee on 1 May 2016 and later appointed as the Chairman of **TH's** Shariah Advisory Committee on 11 January 2019.

PROFIL JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH | Shariah Advisory Committee Profile

Dato' Al-Ustaz Hj. Elias Zakaria Ahli Jawatankuasa | Committee Member

Dato' Al-Ustaz Hj. Elias Zakaria memperoleh ijazah pertama dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1977-1981) dan mendapat ijazah sarjana dari Temple University, Philadelphia, USA, (1983-1984). Beliau memulakan kerjayanya sebagai ahli akademik, di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, sejak Oktober 1984.

Di Peringkat Negeri Pulau Pinang pula, Dato' Al-Ustaz Hj. Elias pernah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2010 – 2011), Pengerusi Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat, MAINPP (2010 - 2012), AJK Fatwa Negeri Pulau Pinang, AJK Panel Peguam Syarie Pulau Pinang, AJK Pembangunan Insan dan Dakwah MAINPP dan lain-lain lagi. Di samping itu, beliau juga dilantik menganggotai Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (2016 – 2019), Jawatankuasa Penasihat Syariah Yayasan Waqaf Malaysia, Jawatankuasa Syariah Tabung Haji dan Penasihat Syariah Syarikat Jeruk Madu Pak Ali.

Dato' Al-Ustaz Hj. Elias Zakaria dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada 1 Februari 2014.

Dato' Al-Ustaz Hj. Elias Zakaria obtained his First Degree from the Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia (UKM) (1977-1981) and obtained his Masters from Temple University, Philadelphia, USA, (1983-1984). He started his career as an academician, at the School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), since October 1984.

At Penang level, Dato' Al-Ustaz Hj. Elias Zakaria was appointed as the Yang Dipertua (YDP) of Penang's Islamic Religious Council (2010 – 2011), Chairman of the Board of Directors for MAINPP's Zakat Management Centre (2010 – 2012), Member of the Penang Fatwa Committee, Committee Member of Penang's Panel of Shar'ie Lawyers, Committee Member of MAINPP's Human Development and Dakwah and etc. In addition, he was also appointed to the Lembaga Zakat Kedah (2016 – 2019), Shariah Advisory Committee of Yayasan Waqaf Malaysia, Shariah Committee of **TH** and Shariah Advisor to Syarikat Jeruk Madu Pak Ali.

Dato' Al-Ustaz Hj. Elias Zakaria was appointed as a member of **TH**'s Shariah Advisory Committee on 1 February 2014.

Profesor Madya Dr. Asmak Ab Rahman Ahli Jawatankuasa | Committee Member

Dr. Asmak Ab Rahman merupakan Professor Madya di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau adalah wakaf, takaful, perbankan Islam dan Syariah. Beliau telah menerbitkan artikel di dalam jurnal tempatan dan antarabangsa seperti *Arab Law Quarterly*, *Humanomics*, *Journal of Islamic Marketing*, *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* dan Jurnal Syariah. Beliau mengetuai dan menganggotai penyelidikan-penyelidikan yang dibiayai oleh dana dari Kementerian Pendidikan Malaysia seperti LRGS dan FRGS di samping penyelidikan yang dibiayai oleh Universiti Malaya.

Dr. Asmak Ab Rahman dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada 1 Mei 2016.

Dr. Asmak Ab Rahman is an Associate Professor with the Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya. She obtained her Doctor of Philosophy from the University of Malaya. Her expertise is in wakaf, takaful, Islamic banking dan Shariah. She has published articles in local as well as international journals such as *Arab Law Quarterly*, *Humanomics*, *Journal of Islamic Marketing*, *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* and *Shariah Journals*. In addition to researches funded by the University, Dr. Asmak also lead and took part in researches funded by the Ministry of Education Malaysia such as LRGS and FRGS.

Dr. Asmak Ab Rahman was appointed as a member of **TH**'s Shariah Advisory Committee on 1 May 2016.

Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin

Ahli Jawatankuasa | Committee Member

Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin merupakan seorang Perunding Syariah dan jurulatih di dalam industri Kewangan dan Perbankan Islam. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Usul Fiqh dari Universiti al Al-Bayt, Jordan.

Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin merupakan pembina modul dan ahli Kumpulan Kerja Standard MS 1900: 2014 Standard (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah – Keperluan dengan Bimbingan) bagi Sekretariat SIRIM. Beliau pernah menjadi Penasihat Syariah Yayasan Muamalat Belia (2011-2013), Penasihat Syariah Bank Tisu, HUSM Kubang Kerian (2012-2013), Wakil Ahli Jawatankuasa Syariah ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat Malaysia (BKRM) (Nov 2012- Jan 2016) dan Ahli Panel Pakar Muamalat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Oktober, 2016 – 2018).

Beliau kini merupakan Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Kerjasama Rakyat, Ahli Jawatankuasa Syariah PruBSN Takaful, Ahli Panel Perunding Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (Ogos 2014 – Sekarang), Perunding bagi Sadaqa House IRCIEF-IDB, KUIS, Ahli Persatuan Penasihat Syariah (ASAS) Malaysia, Ahli Kesatuan Ulama' Islam Antarabangsa (Ittihad al-'Alami li 'Ulama' al-Muslimin), Qatar, AJK Penasihat Syariah UIA, Ahli Lembaga Syariah Bank al-Rajhi, Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Lembaga Tabung Haji dan Ahli Majlis Syariah Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA).

Ustaz Wan Rumaizi dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada 11 Januari 2019.

Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin is a Shariah Consultant and trainer in Islamic Finance Industry. He graduated from International Islamic University of Malaysia (IIUM) with a Masters in Fiqh and Usul al-Fiqh. He also holds a Degree in Fiqh and Usul al-Fiqh from al Al-Bayt University, Jordan.

Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin is the module developer and member of the Working Group for MS 1900: 2014 Standard (Shariah-based Quality Management Systems – Requirement with Guidance) secretariat by SIRIM. He served as the Shariah Advisor for Yayasan Muamalat Belia (2011-2013), Shariah Advisor of Tissue Bank, HUSM Kubang Kerian (2012-2013), Shariah Committee Representative to BKRM's BOD Meeting (Nov 2012- Jan 2016) and Panel Member of Muamalat Expert for Islamic Development Department, Malaysia (JAKIM) (October, 2016 – 2018).

Currently, he is a Shariah Committee Member of Bank Kerjasama Rakyat, Shariah Committee Member of PruBSN Takaful, Panel Consultant Member of International Research Centre in Islamic Economy and Finance (IRCIEF), KUIS (August 2014 – Present), Consultant for Sadaqa House, IRCIEF-IDB KUIS, Member of Association of Shariah Advisors (ASAS) Malaysia, Member of International Union for Muslim Scholars (Ittihad al-'Alami li 'Ulama' al-Muslimin) Qatar, IIUM's Shariah Advisory Committee Member, Shariah Board Member of al-Rajhi Bank, Member of Shariah Advisory Committee for Tabung Haji and Member of the Shariah Council for the Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA).

Ustaz Wan Rumaizi was appointed as a member of **TH's** Shariah Advisory Committee on 11 January 2019.

Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin

Ahli Jawatankuasa | Committee Member

Profesor Dr. Mohamad Akram adalah Pengarah Eksekutif di International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).

Sebelum menyertai ISRA, beliau adalah Penolong Profesor di Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM). Antara 2002-2004, beliau telah bertugas sebagai Penolong Profesor Pelawat di University of Sharjah, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu.

Beliau kini adalah Anggota Majlis Penasihat Syari'ah Bank Negara Malaysia, Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia (KWSP), Anggota Majlis Pengawasan Syariah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (FSA), Anggota Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Ahli Lembaga Syariah DDCAP, London, Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Syariah Dalam, Dubai Islamic Bank, Ahli Majlis Penasihat Syariah Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM), Bahrain, Ahli Penasihat Syariah Dar al-Takaful, Dubai, Ahli Majlis Penasihat Peraturan Kewangan Anggota (FRACE), Central Bank of Nigeria, Anggota Panel Pakar Pasaran Antarabangsa yang Diiktiraf dalam Kewangan ("P.R.I.M.E Finance"), Anggota Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM dan menganggotai Lembaga Pengarah lain di dalam dan luar negara.

Prof. Akram berkelulusan B.A. Ijazah Kepujian dalam bidang Perundangan dan Perundangan Islam dari University of Jordan, Amman, Jordan dan Ph.D. dalam Principles of Islamic Jurisprudence (Usul al-Fiqh) dari University of Edinburgh, Scotland, United Kingdom. Beliau telah membentangkan banyak kertas kerja berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam dan topik Fiqh lain di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau juga mengadakan sesi latihan terutama mengenai Perbankan dan Kewangan Islam untuk pelbagai sektor sejak tahun 1999. Beliau adalah Penasihat Syariah Berdaftar di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan penasihat Syariah dalam penerbitan beberapa sukur. Di samping itu, beliau juga merupakan penulis akademik yang produktif khususnya dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam. Prof Dr Mohamad Akram adalah penerima Anugerah Zaki Badawi untuk Excellence in Shariah Advisory and Research. Penerima Sumbangan Individu Terunggul untuk Kewangan Islam semasa KLIFF 2016 anjuran CERT. Pemenang Anugerah Keperibadian Islam Malaysia 2017M/1439H yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia sempena Maulidul Rasul.

Prof. Dr. Mohamad Akram dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** pada 11 Januari 2019.


Professor Dr. Mohamad Akram is the Executive Director of International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) and Professor at International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).

Prior to joining ISRA he was an Assistant Professor at the Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University, Malaysia (IIUM). In the period 2002-2004, he was a Visiting Assistant Professor at the University of Sharjah, Sharjah, United Arab Emirates.

At present, he is the Member of Bank Negara Malaysia Shari'ah Advisory Council, Chairman of Shari'ah Board of Employees Provident Fund Malaysia (EPF), Member of Shariah Supervisory Council of Labuan Financial Services Authority (FSA), Member of Board of Trustees of Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM), Member of Shariah Board DDCAP, London, Member of Internal Shariah Supervisory Committee, Dubai Islamic Bank, Member of Shariah Advisory Council International Islamic Financial Market (IIFM), Bahrain, Member of Shariah Advisor of Dar al-Takaful, Dubai, Member Financial Regulation Advisory Council of Experts (FRACE), Central Bank of Nigeria, Member of The Panel of Recognized International Market Experts in Finance ("P.R.I.M.E. Finance"), Member of Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM) and other Boards locally and internationally.

Prof. Akram holds a B.A. Honours degree in Islamic Jurisprudence and Legislation from the University of Jordan, Amman, Jordan and a Ph.D. in Principles of Islamic Jurisprudence (Usul al-Fiqh) from the University of Edinburgh, Scotland, United Kingdom. He has presented many papers related to Islamic Banking and Finance and other Fiqh topics at national and International level and has conducted many training sessions particularly on Islamic Banking and Finance for different sectors since 1999. He is a registered Shariah Advisor for Islamic Securities with the Securities Commission of Malaysia and has acted as Shariah advisor in the issuance of several sukuks. In addition, he is also prolific author of academic works specifically in the areas of Islamic Banking and Finance. He is the recipient of Zaki Badawi Award for Excellence in Shariah Advisory and Research. Recipient of the Most Outstanding Individual Contribution to Islamic Finance during KLIFF 2016 organised by CERT. Winner of the 2017M/1439H Malaysian Islamic Personality Award conferred by The Government of Malaysia on the occasion of the birthday of the Prophet Muhammad (peace be upon him).


Prof. Dr. Mohamad Akram was appointed as a member of **TH's** Shariah Advisory Committee on 11 January 2019.



CARTA ORGANISASI

Organisation Chart





RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA (5) TAHUN (2015-2019)

Five (5) Year Financial Performance Summary (2015-2019)

KUMPULAN Group	2019	2018	2017	2016	2015
	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million
Pendapatan Revenue	9,137	8,915	8,359	7,192	6,873
Perbelanjaan Operasi Operating Expenditure	2,766	2,927	2,484	3,224	2,985
Keuntungan Operasi Operating Profit	3,151	2,528	3,703	2,596	3,616
Zakat Zakat	100	103	84	78	73
Keuntungan Bersih Net Profit	2,552	1,795	3,399	2,065	3,229
Aset Bersih Net Assets	5,737	3,320	971	1,044	2,758

TH TH	2019	2018	2017	2016	2015
	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million
Pendapatan Revenue	3,217	3,895	4,550	3,430	3,975
Perbelanjaan Operasi Operating Expenditure	963	1,215	987	763	679
Keuntungan Operasi Operating Profit	1,945	1,700	3,472	2,731	3,801
Zakat Zakat	86	86	68	60	59
Keuntungan Bersih Net Profit	1,837	1,614	3,404	2,500	3,549
Agihan Keuntungan* / Hibah Pendeposit* Profit Distribution* / Depositors' Hibah*	2,140	923	3,324	2,871	3,220
Aset Bersih Net Assets	2,875	1,055	(1,260)	(1,394)	(29)
Simpanan Pendeposit Depositors' Saving	69,417	74,489	70,199	64,834	59,327
Bilangan Pendeposit (Juta Orang) Number of Depositors (Million People)	8.75	9.21	9.27	9.08	8.85


Nisbah Kewangan Utama TH Key Financial Ratio TH	2019	2018	2017	2016	2015
	%	%	%	%	%
Kadar Keuntungan Bersih Net Profit Margin	57.10	41.44	74.81	72.89	89.28
Perbelanjaan Operasi / Aset Bersih Operating Expenditure / Net Assets	33.50	115.17	(78.33)	(54.73)	(2,341.38)
Perbelanjaan Operasi / Simpanan Pendeposit Operating Expenditure / Depositors' Savings	1.39	1.63	1.41	1.18	1.14

* Agihan keuntungan yang diumumkan pada tahun kewangan dibayar tahun berikutnya |
* Profit distribution declared for the financial year and paid in the subsequent year


STATISTIK LIMA (5) TAHUN (2015-2019)

Five (5) Year Statistics (2015-2019)


Pendapatan (RM Juta)
Revenue (RM Million)




Keuntungan Operasi (RM Juta)
Operating Profit (RM Million)




Zakat (RM Juta)
Zakat (RM Million)




Keuntungan Bersih (RM Juta)
Net Profit (RM Million)




Simpanan Pendeposit (RM Juta)
Depositors' Savings (RM Million)




Bilangan Pendeposit (Juta orang)
Number of Depositors (Million people)



Agihan Keuntungan*/Hibah Pendeposit (RM Juta)
Profit Distribution*/Depositors' Hibah (RM Million)



Kadar Agihan Keuntungan*/Hibah (%)
Profit Distribution*/Hibah Rate (%)




■ Agihan Keuntungan* / Hibah Pendeposit
Profit Distribution* / Depositors' Hibah
■ Hibah Haji
Haji Hibah

* Agihan keuntungan yang diumumkan pada tahun kewangan dibayar tahun berikutnya |
* Profit distribution declared for the financial year and paid in the subsequent year

OPERASI HAJI 1440H/2019M

Hajj Operation 1440H/2019M



Penambahbaikan | Enhancements

Penggunaan pesawat Airbus A380 untuk keselesaan semua jemaah haji dan keseragaman perkhidmatan.
Airbus A380 aircraft used for all pilgrims for their comfort and service uniformity.

Penggunaan empat (4) lanyard berwarna mengikut Zon bagi meningkatkan visibiliti jemaah haji semasa umrah pertama.
Four (4) coloured lanyards according to Zone were used to increase the visibility of pilgrims during the first umrah.

Dua (2) buah Ambulans Mini **TH** di tempatkan di Kompleks Jamarat, Mina semasa operasi Masya'ir.
Two (2) **TH** Mini Ambulances were parked at the Jamarat Complex, Mina during Masya'ir.

Penambahan empat (4) pos penyelamat antara perkhemahan Mina dan Jamarat.
Additional four (4) rescue posts between Mina dan Jamarat.


Pengedaran batu melontar kepada jemaah haji untuk melontar Jamarat sebelum berangkat ke Arafah.
Distribution of pebbles to pilgrims for stoning before leaving for Arafah.

Memperkenalkan Perlepasan Ekspres Jemaah Haji (EYAB) di Lapangan Terbang Jeddah dan Madinah untuk penerbangan balik ke Malaysia.
Introduction of Express Pilgrims Boarding (EYAB) at Jeddah and Madinah Airports for return flights to Malaysia.


PENGURUSAN SIMPANAN & KHIDMAT PELANGGAN

Savings Management & Customer Service


Perkhidmatan Pelanggan | Customer Service



Akses Perkhidmatan Bergerak | Mobile Service Accessibility



Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP) | Customer Satisfaction Index (CSI)




Prosedur kerja berpanduan Standard MS ISO 9001:2015

PELABURAN

Investment

Pelan Transformasi Pelaburan TH | TH Investment Transformation Journey



Penjana Pendapatan | Income Generator

Pelaburan aset pendapatan tetap
Asset Investment fixed income

RM1.8 billion
billion

Pelaburan Hartanah
Properties Investment


RM0.5 billion
billion



Pelaburan Ekuiti
Equity Investment
RM0.5 billion
billion

Instrumen Pasaran Wang Islamik
Islamic Money Market Instruments
RM0.4 billion
billion

Alokasi Aset | Asset Allocation



- Pendapatan tetap | Fixed Income
- Hartanah | Property
- Ekuiti | Equity
- Pasaran Wang | Money Market

Petunjuk Utama Pelaburan TH | TH Investment Key Directions



Mengimbangi Strategi Alokasi Aset (SAA)
Rebalancing the Strategic Asset Allocation (SAA)



Penstrukturan portfolio ekuiti dengan saham yang memberi kadar dividen
Replenishing equity portfolio with dividend yielding stocks



Pelupusan aset kurang berdaya saing secara berstruktur dan pelaburan semula
Structured disposal of low yielding assets and reinvestment



Mengoptimumkan kadar dan pendapatan sewa
Optimising tenancy rate and rental income



Membuat purata kos ke atas portfolio pelaburan luar negara
Cost averaging on existing foreign listed portfolio




Pendapatan berperingkat melalui portfolio pendapatan tetap
Gradual crystallisation of profit from fixed income portfolio



Pelaburan berdasarkan tahap risiko yang dibenarkan dan ke arah portfolio patuh ESG
Investment based on approved risk appetite and moving towards ESG-compliant portfolio

KUMPULAN SYARIKAT TH

TH Group of Companies



PERUTUSAN Pengerusi

Chairman's Statement



TAN SRI MD NOR YUSOF
Pengerusi
Chairman

“Langkah-langkah berhemah telah diambil bagi mengimbangi kembali kedudukan aset **TH** dan mengalih strategi pelaburan kepada pelaburan yang lebih stabil sejajar dengan profil pendeposit yang mengharapkan pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil.

Prudent steps were taken to rebalance our asset position and shift **TH's** investment strategy to more stable investments in line with the profile of our depositors who expect capital preservation and steady returns.

”



DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG IN THE NAME OF ALLAH THE MOST GRACIOUS AND THE MOST MERCIFUL

Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda.

Bagi pihak Lembaga, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji (**TH**) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Alhamdulillah, meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang mencabar, dengan keizinan-Nya dan sokongan padu daripada semua pemegang taruh, **TH** berjaya mencatat prestasi positif untuk tahun 2019.

Ekonomi global masih mengalami kelembapan pada tahun 2019 dan menurut *International Monetary Fund* (IMF), ekonomi dunia berkembang 2.9 peratus berbanding 3.6 peratus pada 2018, iaitu pertumbuhan terendah dekad ini. Berlatar belakangkan persekitaran luaran yang mencabar ini, ekonomi Malaysia turut terjejas dan mencatat pertumbuhan sederhana iaitu sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2019 berbanding 4.7 peratus pada tahun 2018.

Sukacita dimaklumkan bahawa tindakan penstrukturan semula dan pemulihan **TH** yang dilaksanakan pada bulan Disember 2018 telah membuahkan hasil pada tahun 2019. Prestasi kewangan **TH** adalah lebih baik dengan pendapatan RM3.2 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat berjumlah RM1.8 bilion, peningkatan sebanyak 14 peratus bersamaan dengan RM223 juta berbanding dengan RM1.6 bilion untuk tahun kewangan 2018.

TH telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kesan dari keadaan ekonomi luaran yang tidak menentu selaras dengan matlamat dan amanah untuk menghasilkan nilai jangka panjang kepada para pemegang taruh.

All praise be to Allah SWT. Salutations, peace and blessings upon our Prophet Muhammad SAW, his families and companions.

On behalf of the Lembaga, it is with great pleasure that I present Lembaga Tabung Haji's (**TH**) Annual Report for the financial year ended 31 December 2019.

Alhamdulillah, amidst a challenging economic environment, with His blessings and unwavering support from our stakeholders, **TH** managed to record a positive performance for the financial year ended 31 December 2019.

The year 2019 marked a period of slowdown in global economic growth. The world economy expanded 2.9 per cent compared to 3.6 per cent in 2018, marking the lowest growth in a decade, according to the International Monetary Fund (IMF). Against this backdrop of challenging external environment, the Malaysian economy was impacted too, registering a modest growth of 4.3 per cent in 2019 versus 4.7 per cent in 2018, supported by the resilient private sector and firm household and consumer spending.

I am pleased to inform that the restructuring and rehabilitation exercise carried out in December 2018 had shown favourable results in 2019. **TH** reported an improved financial performance with an income of RM3.2 billion and net profit after zakat of RM1.8 billion, an increase of 14 per cent or RM223 million compared with RM1.6 billion for FY2018.

TH has embarked on various initiatives to cushion the impact of volatile external economic conditions as it aims to carry out its mandate of delivering long-term value to its stakeholders.

PERUTUSAN PENERUSI | Chairman's Statement

Langkah-langkah berhemah telah diambil bagi mengimbangi kembali kedudukan aset **TH** dan mengalih strategi pelaburan kepada pelaburan yang lebih stabil sejajar dengan profil pendeposit yang mengharapkan pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil. Dengan izin Allah, ini akan meletakkan asas yang mantap untuk pertumbuhan masa depan **TH** dan dengan pelaburan berkualiti dan pulangan lestari, **TH** akan berupaya mengagihkan keuntungan yang lebih baik kepada para pendeposit. Alhamdulillah, pengagihan keuntungan pendeposit untuk tahun 2019 telah meningkat berbanding tahun 2018, dan kami berharap prestasi ini akan berterusan di masa hadapan.

Selaras dengan perkembangan semasa dalam industri kewangan Islam, **TH** telah memperkenalkan konsep simpanan *Wakalah*. *Wakalah* adalah inovasi terkini bidang kewangan Islam yang digunakan dan diterima secara meluas di peringkat global. Di bawah kontrak *Wakalah*, **TH** dapat melaksanakan pelbagai program ganjaran strategik yang memberi peluang kepada para pendeposit menikmati nilai tambah, di samping terus menikmati faedah sedia ada.

TH menyaksikan satu lagi kejayaan operasi haji pada tahun 1440H/2019M dengan beberapa penambahbaikan operasi haji. Ini termasuk proses Pra-perlepasan imigresen di KLIA dan pengenalan Kemasukan Pantas Jemaah Haji (EYAB) di Lapangan Terbang Jeddah dan Madinah yang telah memendekkan masa menunggu semasa perlepasan dan ketibaan di kedua-dua lapangan terbang. Hubungan baik yang terjalin di antara **TH** dan kerajaan Arab Saudi telah memudahkan pengurusan operasi haji dan sekali gus memberi banyak manfaat kepada jemaah haji Malaysia.

Prudent steps were taken to rebalance our asset position and shift **TH**'s investment strategy to more stable investments in line with the profile of our depositors who expect capital preservation and steady returns. God willing, this would lay a steady foundation for **TH**'s future growth and with quality investments and sustainable returns, would enable **TH** to distribute better profit distribution to depositors. Alhamdulillah, the depositor's profit distribution for 2019 had seen an increase from 2018, and we hope that the performance will continue to prevail moving forward.

Keeping abreast with the current development in the Islamic financial industry, **TH** introduced the *Wakalah* savings concept. *Wakalah*, a more recent innovation to Islamic finance, is broadly used and accepted globally. Under the *Wakalah* contract, **TH** can organise various strategic reward programmes and contributors will have the opportunity to enjoy additional value from it, while continuing to enjoy existing benefits.

TH witnessed another successful hajj operation for 1440H/2019M, with new enhancements in hajj operations. This includes the pre-clearance immigration process at KLIA and the introduction of Express Pilgrims Boarding (EYAB) at Jeddah and Madinah Airports which shortens the waiting time during departure and arrival at both airports. The good relations maintained between **TH** and the Saudi Arabia government have facilitated the smooth management of hajj operations and benefited Malaysian pilgrims immensely.



Berpegang teguh pada prinsip-prinsip penubuhan **TH**, Lembaga dan barisan Pengurusan akan terus melaksanakan amalan berhemah untuk memperkuat usaha tadbir urus korporat. Ini akan mengukuhkan kedudukan **TH** dan memastikan ia lebih tangkas dalam menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Sri Zukri Samat yang telah menamatkan perkhidmatannya pada bulan Ogos 2019. Dato' Sri Zukri telah memainkan peranan penting dalam menyempurnakan penstrukturan semula dan rasionalisasi **TH**, yang hari ini telah membantu **TH** berada di landasan yang mantap ke arah pertumbuhan masa depan.

Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff selaku Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru. Dengan pengalaman luas dalam industri perkhidmatan kewangan dan sokongan teguh dari barisan Pengurusan, saya yakin Datuk Nik Mohd Hasyudeen akan memimpin **TH** ke tahap yang lebih tinggi.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada anggota Lembaga dan semua kakitangan yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Kepada semua pemegang taruh terutama pihak Kerajaan, terima kasih atas sokongan teguh yang berterusan dan kami bersyukur kerana diberi kesempatan untuk berkhidmat kepada **TH** dalam membantu saudara sesama Islam memenuhi rukun Islam kelima. Akhirnya, penghargaan saya kepada semua pendeposit dan rakan-rakan strategik atas sokongan berterusan yang diberikan oleh mereka. Semoga Allah terus memberikan keberkatan ke atas semua yang kita lakukan.

Staying true to **TH's** founding principles, Lembaga and the Management team continued to implement prudent practices to strengthen corporate governance efforts. This will put **TH** in good stead and ensure it is ready to weather any storm and face future challenges with more agility.

On behalf of the Lembaga, I wish to record **TH's** sincere appreciation to Dato' Sri Zukri Samat who completed his services in August 2019. He played a crucial role in the completion of **TH's** restructuring and rationalisation exercise, which has today helped set **TH** on a steady path towards future growth.

I would also like to welcome Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff as **TH's** new Group Managing Director and Chief Executive Officer. With his wealth of experience in the financial services industry and unwavering support from the Management team, I am confident that he will lead **TH** to greater heights.

My heartfelt gratitude to the Members of the Lembaga and all the staff who had carried out their responsibility to the best of their ability. To all our stakeholders, especially the Government for its unyielding support, we are thankful for having this opportunity to serve **TH** and help our Muslim brothers and sisters fulfil the fifth pillar of Islam. Finally, my sincere appreciation to all depositors and strategic partners for their continued support. May Allah continue to provide us *Barakah* in all that we do.

Terima kasih | Thank you



Tan Sri Md Nor Yusoff
Pengerusi | Chairman

ARTIKEL PILIHAN | Feature Article

Langkah **TH** Menerbitkan Sukuk : *Memastikan pulangan lestari kepada pendeposit* | **TH's Move In Issuing Sukuk : *Safeguarding sustainable returns to depositors***

Pelan Pemulihan dan Penstrukturan yang dilaksanakan **TH** pada bulan Disember 2018 melibatkan pemindahan aset berprestasi rendah dengan nilai pasaran RM9.7 bilion kepada Syarikat Tujuan Khas ('*Special Purpose Vehicle*'-SPV), Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB) pada nilai RM19.9 bilion. Aset yang dipindahkan terdiri daripada:

- (i) 106 ekuiti domestik tersenarai;
- (ii) Satu (1) ekuiti perladangan tidak tersenarai; dan
- (iii) 29 hartanah dan tanah.

UJSB menyelesaikan pemindahan berkenaan dengan menerbitkan dua (2) siri sukuk berjumlah RM10 bilion dan RM9.6 bilion, manakala bakinya RM300 juta dibuat melalui pembayaran tunai. Pada 30 Mei 2019, **TH** melanggan sukuk sifar kupon berkenaan yang memberi pulangan 4.05 peratus dan 4.1 peratus setahun, dan dijangka akan menghasilkan pendapatan RM800 juta setahun.

UJSB, entiti milik penuh Kerajaan, diberi mandat untuk memulih dan mengoptimumkan pulangan daripada aset yang dipindahkan. **TH** telah diberi hak keutamaan (*First Right of Refusal*) untuk mendapatkan kembali aset yang berpotensi setelah nilainya dipulihkan. Bagi memberi keanjalan, **TH** diberi beberapa pilihan untuk penebusan Sukuk UJSB, seperti:

- (i) Tunai;
- (ii) Pemulangan semula aset yang dipindahkan; dan
- (iii) Pemindahan aset Kerajaan yang lain.

The Rehabilitation and Restructuring Plan for **TH** was carried out in December 2018 involving the transfer of its underperforming assets to a Government-owned Special Purpose Vehicle, namely Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB). The assets had a market value of RM9.7 billion and were transferred to UJSB for the amount of RM19.9 billion.

The transferred assets consist of:

- (i) 106 listed domestic equities;
- (ii) One (1) unlisted plantation equity; and
- (iii) 29 properties and lands.

UJSB completed the transfer by issuing two (2) series of sukuk amounting to RM10 billion and RM9.6 billion and the balance of RM300 million was in cash. On 30th May 2019, **TH** subscribed to this zero-coupon sukuk that provides returns of 4.05 per cent and 4.1 per cent per annum and is expected to generate a revenue of RM800 million per year.

A fully-owned Government entity, UJSB is mandated to rehabilitate and optimise recovery from the transferred assets. **TH** was also given the First Right of Refusal to recover these assets once their value is restored. In addition, **TH** was given flexibility with multiple UJSB Sukuk redemption options, such as:

- (i) Cash;
- (ii) Return of transferred assets; and
- (iii) Transfer of other Government assets (redemption in kind).

Sebagai pengiktirafan kepada strategi penstrukturan yang unik, UJSB Sukuk telah menerima beberapa anugerah dan pencapaian terkemuka di peringkat global, seperti:

- (i) *'Restructuring Deal of the Year'* daripada *'Islamic Finance News (IFN)'*;
- (ii) *'Malaysia Deal of the Year'* daripada IFN;
- (iii) *'Best Restructuring (for Malaysia)'* daripada *'The Asset Islamic Finance'*; dan
- (iv) *'Innovative Deal of the Year (for Malaysia)'* daripada *'Asian Banking and Finance (ABF)'*.

Bagi menyokong Pelan Pemulihan dan Penstrukturan **TH**, pihak Kerajaan telah memberi jaminan komitmennya untuk memenuhi kewajiban Sukuk UJSB, seperti berikut:

- (i) Jemaah Menteri pada 5 April 2019 telah bersetuju dan meluluskan agar pihak Kerajaan menyediakan peruntukan kepada UJSB untuk membiayai kekurangan penebusan sukuk sekurang-kurangnya RM17.8 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada tahun 2020 berjumlah RM500 juta dan juga di bawah RMK-12 dan RMK-13 berjumlah sekurang-kurangnya RM17.3 bilion;
- (ii) Kerajaan juga telah menyenaraikan komitmen jaminan RM20 bilion kepada UJSB dalam tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2020;
- (iii) Kerajaan menyokong Pelan Pemulihan dan Penstrukturan **TH** dengan menanggung liabiliti sebanyak RM20 bilion atau 1.3 peratus dari KDNK negara, seperti yang terkandung di dalam Ucapan Belanjawan 2020; dan
- (iv) Surat Sokongan yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MOF (Inc.)] kepada UJSB untuk memastikan bahawa UJSB terus kekal beroperasi sepanjang tempoh sukuk dan mempunyai keupayaan kewangan untuk membuat pembayaran sukuk tanpa had berdasarkan tarikh matang yang ditetapkan.

Dengan memindahkan aset berprestasi rendah pada nilai premium kepada UJSB, **TH** telah berjaya menutup jurang defisit berjumlah lebih RM10 bilion di antara nilai aset dan liabiliti **TH**. Dengan muktamadnya pelan tindakan ini, kedudukan kewangan **TH** telah berjaya dipulihkan.

In recognition of the unique restructuring strategy, the UJSB Sukuk has received several notable international awards, such as:

- i) Restructuring Deal of the Year from Islamic Finance News (IFN);
- ii) Malaysia Deal of the Year from IFN;
- iii) Best Restructuring (for Malaysia) from the Asset Islamic Finance; and
- iv) Innovative Deal of the Year (for Malaysia) from Asian Banking and Finance (ABF).

In support of **TH's** Rehabilitation and Restructuring Plan, the Government has also provided its guarantee commitment to fulfil UJSB Sukuk obligations, as follows:

- (i) The Cabinet of Ministers on 5 April 2019 has approved and agreed for the Government to provide an allocation for UJSB to finance the shortfall of sukuk redemption of at least RM17.8 billion. This involves an allocation of RM500 million under the 11th Malaysia Plan (11MP) by 2020 and at least RM17.3 billion in the 12MP and 13MP;
- (ii) The Government has also listed its RM20 billion guarantee commitment to UJSB in the Federal Government Fiscal Review and Revenue Estimates 2020 Report;
- (iii) The Government supports **TH's** Restructuring and Rehabilitation Plan by incurring a liability of RM20 billion or 1.3 per cent of the country's GDP, as mentioned in the 2020 Budget Speech; and
- (iv) Letter of Support issued by the Minister of Finance (Incorporated) [MOF (Inc.)] to UJSB to ensure that UJSB remains a going concern throughout the sukuk period and has the financial capacity to facilitate unlimited sukuk payments according to their respective maturity dates.

By transferring the underperforming assets at premium value to UJSB, **TH** was able to cover the deficit gap of more than RM10 billion between the value of its assets and liabilities. **TH's** financial position was successfully restored with the completion of the exercise.

Kedudukan Kewangan **TH** kini sihat, dengan jumlah lebihan aset (sebelum hibah) sebanyak RM1.0 bilion pada akhir 2018. Disokong dengan keuntungan yang boleh diagihkan sebanyak RM1.6 bilion, kadar hibah tahunan untuk tahun 2018 diisytiharkan pada kadar 1.25 peratus dengan bayaran berjumlah RM923 juta, dan mematuhi Akta Tabung Haji sepenuhnya. Dengan mengamalkan dasar pelaburan yang lebih berhemah dan menyeluruh, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang lebih kukuh, pencapaian positif ini berterusan pada tahun 2019, dengan jumlah lebihan aset (sebelum hibah) yang lebih tinggi sebanyak RM2.9 bilion dan keuntungan yang boleh diagihkan sebanyak RM1.8 bilion. Sehubungan dengan itu, **TH** telah mengisytiharkan kadar agihan keuntungan 3.05 peratus untuk tahun 2019.

Langganan sukuk USJB ini telah memberi sumbangan besar kepada pendapatan **TH**. Pelaburan aset pendapatan tetap menjana RM1.9 bilion atau 57.6 peratus daripada pendapatan 2019. Pada masa yang sama, langganan sukuk ini telah memperkukuhkan komposisi aset **TH** selaras dengan kerangka Strategi Alokasi Aset (*Strategic Asset Allocation* - SAA) baru **TH** yang menetapkan untuk **TH** melabur 55 peratus daripada jumlah pelaburan dalam kelas aset pendapatan tetap.

Berikutan pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan tersebut, **TH** kini telah beralih dari menguruskan agihan keuntungan yang agresif kepada menguruskan pelaburan yang mampan dan stabil. Cadangan SAA baru adalah selaras dengan profil pendeposit **TH** dan ciri-ciri produk simpanan untuk memberikan pulangan mampan dalam lingkungan kadar toleransi risiko yang dibenarkan. Memandangkan produk simpanan ini membenarkan pendeposit melakukan pengeluaran berdasarkan permintaan, adalah penting bagi **TH** untuk melabur dalam kelas aset berisiko sederhana dan rendah serta berkecairan tinggi.


TH's financial position is now healthy, with total asset surplus (before *hibah*) of RM1.0 billion as at the end of 2018. Supported by RM1.6 billion in distributable profit, an annual hibah rate of 1.25 per cent was declared in 2018 amounting to RM923 million, in compliance with the Tabung Haji Act. With the adoption of more prudent and holistic investment policies, supported by stronger risk management practices, the positive trend continued in 2019, with a higher total asset surplus (before *hibah*) of RM2.9 billion and distributable profit of RM1.8 billion. **TH** declared an annual profit distribution rate of 3.05 per cent for 2019.

The UJSB Sukuk has been a significant contributor to **TH's** income in 2019. Fixed income asset investment generated RM1.9 billion or 57.6 per cent of total income. At the same time, the sukuk subscription has strengthened the composition of **TH's** assets to be in line with its new Strategic Asset Allocation (SAA) framework where fixed income assets must comprise 55 per cent of total investments.

The implementation of **TH's** Restructuring and Rehabilitation Plan marks a shift for **TH**, from managing an aggressive profit distribution to managing sustainable and stable investments. The proposed new SAA is aligned with **TH** depositors' profile and the features of its savings product will provide sustainable returns within the allowable risk tolerance rate. Considering that **TH** allows depositors to perform on-demand withdrawals, it is important for **TH** to invest in asset classes of moderate and low risk as well as highly liquid.

Aspirasi pelaburan baru **TH**, seperti yang ditakrif jelas di dalam kerangka SAA baru, dapat dilihat dengan baik dalam pelaksanaan Blok Pembangunan Strategik **TH** (**TH**'s Strategic Building Blocks, SBB) 2019-2020, yang berfungsi sebagai prinsip panduan kepada Model Perniagaan **TH** yang ditambahbaik. SBB dibangunkan atas lima (5) bidang fokus utama, iaitu:

TH's new investment aspiration, defined in the new SAA framework, is well captured in the implementation of **TH**'s Strategic Building Blocks (SBB) 2019 – 2020, which serves as guiding principles to **TH**'s revised Business Model. The SBB is built upon five (5) key focus areas, namely:



Selain SBB, **TH** telah membangunkan kerangka strategi baru sebagai persediaan menghadapi persekitaran pasaran yang mencabar dari 2021 hingga 2023. Kerangka ini terkandung di bawah strategi tematik 3R, yang ditakrifkan seperti berikut:

- (i) Pembentukan Semula Portfolio Pelaburan;
- (ii) Penstrukturan dan Pemulihan Pelaburan yang Berisiko; dan
- (iii) Peningkatan semula Kapasiti dan Keupayaan Pelaburan.

In addition to SBB, **TH** has designed a new strategic framework to prepare for the challenging market environment from 2021 to 2023. The framework is encapsulated under a thematic 3R strategy, defined as follows:

- (i) Reshaping the Investment Portfolio;
- (ii) Restructure and Rehabilitate Investments at Risk; and
- (iii) Re-energising Investment Capacity and Capability.

Strategi 3R ini akan menjadi teras utama kepada **TH** untuk terus mantap menghadapi persekitaran pelaburan mencabar pada masa hadapan, disebabkan halangan ekonomi, ketidaktentuan akibat pandemik dan norma baru pasaran. Sehubungan dengan itu, SBB, bersama dengan konsep 3R akan diterapkan di dalam setiap pelaburan dengan mengambil kira pergerakan terperinci turun naik pasaran dan penyesuaian kepada landskap serta dinamik pasaran yang baru.

The 3R Strategy is envisioned to be a game changer for **TH** to steadily steer through the challenging investment environment ahead, given the economic headwinds, turbulent consequences of the pandemic and the new norms of market dynamics. Accordingly, SBB, together with the 3R concept are applied in every investment undertaking, by considering fluctuations in market movement and adapting to the new market landscape and dynamics.

Melangkah ke hadapan, **TH** akan kekal berhemah untuk membina semula rizab dan mengekalkan kedudukan kewangan yang utuh bagi melindungi kepentingan pendeposit, mengagihkan keuntungan yang mematuhi Akta Tabung Haji dan yang lebih penting, mengekalkan kelancaran operasi haji – yang merupakan objektif utama penubuhan **TH**.

Moving forward, **TH** will continue to be prudent to rebuild reserves and sustain its strong financial position in order to protect the interest of depositors, distribute profit in compliance with the Tabung Haji Act, and more importantly maintain efficient hajj operations – the principal objective for the establishment of **TH**.

TADBIR URUS

Governance

TH ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan di bawah pengawasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Peruntukan Akta mendefinisikan Menteri sebagai menteri yang bertanggungjawab bagi pengawalan jemaah haji. Kuasa Menteri juga tersebut termasuk memberi arahan pelaksanaan fungsi **TH** dan akses maklumat berkaitan **TH**.

TH ditadbir menerusi struktur organisasi yang jelas bermula daripada Lembaga dari segi penurunan kuasa dan tanggungjawab bagi semua peringkat berdasarkan Akta 535.

Fungsi utama Lembaga adalah melindungi kepentingan **TH** dan pendeposit serta menggalakkan prestasi dan operasi **TH** yang mampan selain memastikan piawaian munasabah diikuti tanpa apa-apa pengaruh tidak wajar daripada pihak-pihak lain.

Mesyuarat Lembaga

Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali dengan tiga (3) orang anggota Lembaga membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga.

Empat belas (14) Mesyuarat Lembaga telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

TH is governed by Tabung Haji Act 1995 (Act 535) under the surveillance of the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs). A provision of the Act defined Minister as the Minister in charge of pilgrimage control and its power includes giving directions on **TH** functions and access to required **TH** information.

TH is governed by Act 535, through a clear organisational structure in dissemination of power and responsibilities at all levels.

The primary function of the Lembaga is to protect the interests of **TH** and its depositors and to promote sustainable operation and performance whilst ensuring reasonable standards without undue influence from any party.

Meetings of the Lembaga

The Lembaga shall meet at least once every three (3) months and that three (3) members of the Lembaga shall form a quorum at any meeting of the Lembaga.

Fourteen (14) Lembaga Meeting were held during the financial year ended 31 December 2019.

No	Mesyuarat Meeting	Tarikh Date	Kehadiran Attendance
1	1/2019 (373)	11.01.2019	7 / 8
2	2/2019 (374)	11.02.2019	6 / 8
3	3/2019 (375)	28.02.2019	8 / 8
4	4/2019 (376)	22.03.2019	5 / 8
5	5/2019 (377)	05.04.2019	4 / 9
6	6/2019 (378)	10.04.2019	7 / 9
7	7/2019 (379)	22.04.2019	8 / 8

No	Mesyuarat Meeting	Tarikh Date	Kehadiran Attendance
8	8/2019 (380)	17.06.2019	8 / 10
9	9/2019 (381)	21.06.2019	8 / 10
10	10/2019 (382)	23.07.2019	7 / 10
11	11/2019 (383)	23.08.2019	9 / 10
12	12/2019 (384)	03.10.2019	9 / 10
13	13/2019 (385)	23.11.2019	8 / 10
14	14/2019 (386)	18.12.2019	7 / 10

Jawatankuasa Lembaga

Menurut Seksyen 11 (1) Akta Tabung Haji 1995, bagi membantu Lembaga melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, beberapa jawatankuasa ditubuhkan dengan ahlinya terdiri daripada anggota Lembaga dan bukan anggota Lembaga seperti berikut:

The Lembaga Committees

Pursuant to Section 11 (1) Tabung Haji Act 1995, in order to assist the Lembaga in discharging its duties and responsibilities, few committees have been formed with its members from the Lembaga and non-Lembaga members as follows:

Ahli-ahli Members	Bilangan Mesyuarat No of Meeting	Jawatankuasa Committee
Datuk Zaiton Mohd Hassan Tan Sri Abu Talib Othman Profesor Dr. Ashraf Md Hashim Dato' Noordin Sulaiman	7	Jawatankuasa Risiko, Audit dan Tadbir Urus Risk, Audit and Governance Committee
Tan Sri Abu Talib Othman Datuk Zaiton Mohd Hassan Dato' Noordin Sulaiman Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff* Dato' Sri Zukri Samat**	7	Jawatankuasa Penamaan dan Saraan Nomination and Remuneration Committee
Dato' Hasnol Zam Zam Ahmad* Dato' Noordin Sulaiman Datuk Zaiton Mohd Hassan Profesor Dr. Ashraf Md Hashim Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff* Tan Sri Mohd Zuki Ali** Dato' Sri Zukri Samat**	8	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif Management and Executive Disciplinary Committee
Dato' Noordin Sulaiman (Pengerusi gantian Replacement Chairman) Dato' Hasnol Zam Zam Ahmad* Dato' Redhuan Sabaruddin Nurrinanuwar Shamsuddin Mustakim Mohamad (Gantian Replacement) Anisuati Yahya (Gantian Replacement) Tan Sri Mohd Zuki Ali**	1	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif Non-Executive Disciplinary Committee
Tan Sri Md Nor Yusof Tan Sri Abu Talib Othman Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir	3	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif Management and Executive Disciplinary Appeal Committee
	2	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif Non-Executive Disciplinary Appeal Committee
Profesor Dr. Ashraf Md Hashim Dato' Al-Ustaz Haji Ellias Zakaria Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin Prof. Madya Dr. Asmak Ab. Rahman Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin	7	Jawatankuasa Penasihat Syariah Shariah Advisory Committee
Dato' Hasnol Zam Zam Ahmad* Tan Sri Mohd Zuki Ali** Profesor Dr. Ashraf Md Hashim Datuk Ahamed Basheer Mohd Hussain* Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff* Tan Sri Md Nor Yusof** Dato' Sri Zukri Samat**	3	Jawatankuasa Urusan Haji Hajj Affairs Committee

* Dilantik pada tahun 2019 | Appointed in year 2019

** Tamat perkhidmatan pada tahun 2019 | Completion of service in year 2019

Jawatankuasa Committee	Peranan dan Tanggungjawab Utama Key Roles and Responsibility	
Jawatankuasa Risiko, Audit dan Tadbir Urus Risk, Audit and Governance Committee	Tugas-tugas utama Jawatankuasa ini adalah : 1. Bertanggungjawab terhadap keperluan berkaitan pelaporan perakaunan dan kewangan. 2. Mengawasi perkara-perkara berkaitan dengan selera risiko dan pengurusan risiko serta rangka kerja pematuhan pada peringkat entiti dan kumpulan; dan 3. Memastikan piawaian tinggi di dalam tadbir urus, integriti dan etika.	The primary functions of the Committee are : 1. Fulfilling its responsibilities relating to accounting and financial reporting requirements; 2. Fulfilling its oversight responsibilities with regard to the risk appetite and risk management and compliance framework at the entity and group level; and 3. Ensuring high standards of governance, integrity and ethics.
Jawatankuasa Penamaan dan Saraan Nomination and Remuneration Committee	Tugas utama Jawatankuasa ini adalah berkaitan dengan pelantikan dan pemberhentian pekerjaan; imbuhan dan perkhidmatan, dan penilaian prestasi.	The primary function of the Committee relates to the appointment and cessation of employment; remuneration and services and performance assessment.
Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif Management and Executive Disciplinary Committee	Berdasarkan Peraturan-Peraturan Tatatertib TH 2010, Jawatankuasa ini mempunyai bidang kuasa atas semua perkara yang berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib bagi kategori pekerja Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif dan Kumpulan Bukan Eksekutif.	Based on TH Disciplinary Regulations 2010 the committee has jurisdiction over all matters relating to the conduct and discipline of each category of employees under Management and Executive Group and Non- Executive Group.
Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif Non-Executive Disciplinary Committee		
Jawatankuasa Rayuan Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif Management and Executive Disciplinary Appeal Committee	Berdasarkan Peraturan-Peraturan TH (Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib) 2010, Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pekerja terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.	Based on TH (Disciplinary Committees and Disciplinary Appeal Committees) Regulations 2010, the committee shall have the power to receive, consider and determine any appeal submitted by an employee against the decision of the Disciplinary Committee.
Jawatankuasa Rayuan Kumpulan Bukan Eksekutif Non-Executive Disciplinary Appeal Committee		
Jawatankuasa Penasihat Syariah Shariah Advisory Committee	Tugas utama Jawatankuasa ini adalah untuk menasihati Lembaga dalam hal-hal berkaitan Syariah (tidak termasuk perihal ibadah haji).	The primary function of the Committee is to advise the Lembaga on Shariah related matters (excluding hajj ibadah matters).
Jawatankuasa Urusan Haji Hajj Affairs Committee	Tugas utama Jawatankuasa ini adalah untuk menilai dan membuat keputusan mengenai perkara yang berkaitan dengan operasi haji.	The primary function of the Committee is Its primary function is to assess and make decisions on matters related to the hajj operations.

Lain-Lain

Maklumat-maklumat berkaitan **TH** juga boleh diperolehi daripada laman web rasmi **TH** di www.tabunghaji.gov.my

Others

Other information associated to **TH** can also be obtained from **TH** official website at www.tabunghaji.gov.my.

ARTIKEL PILIHAN | Feature Article

Pengurusan Risiko Kecairan di **TH** | Liquidity Management in **TH**

Tema utama Pelan Penstrukturan dan Pemulihan Lembaga Tabung Haji (**TH**), yang bermula pada penghujung tahun 2018 adalah “Pembaharuan Tadbir Urus” dan “Penstrukturan Kewangan”. Pelan ini merupakan keperluan mendesak kerana ia perlu dilaksanakan segera berikutan kajian semula kedudukan kewangan **TH**. Salah satu agenda teras yang dibuat semasa itu, antara lain, adalah untuk memperkukuh pengurusan kecairan.

Selaku sebuah institusi kewangan yang menguruskan dana melebihi RM70 bilion, **TH** terdedah kepada cabaran kewangan yang boleh mengancam kestabilan dan daya saingnya. Tanpa rancangan pengurusan kecairan yang kukuh, cabaran-cabaran ini boleh menjurus kepada risiko sistemik dan pada masa yang sama memberi kesan besar kepada keseluruhan ekosistem kewangan negara. Pada awal tahun 2019, **TH** berhadapan dengan kemungkinan krisis kecairan berikutan pengumuman kadar pengagihan keuntungan **TH** sebanyak 1.25 peratus yang merupakan kadar terendah dicatat dalam sejarah **TH**.

The primary theme of Lembaga Tabung Haji (**TH**)’s Restructuring and Rehabilitation Plan, which commenced at the end of 2018, was “Governance Reform” and “Financial Restructuring”. This implied a tone of urgency for the plan as it required immediate implementation following review of **TH**’s financial position. One of the core agenda crafted during the time, among others, was to strengthen **TH**’s liquidity management.

As a financial institution managing funds of exceeding RM70 billion, **TH** is exposed to financial challenges that could threaten its stability and viability. Without an effective liquidity management plan, these challenges can further lead to systemic risks and at the same time significantly impact the country’s overall financial ecosystem. To provide some perspective, in early 2019, **TH** was potentially facing a liquidity crisis with the announcement of its profit distribution rate of 1.25 per cent, which is the lowest ever recorded in **TH** history.


Jenis risiko kecairan yang dihadapi oleh **TH** | Types of liquidity risk faced by **TH**



Risiko Kecairan Pembiayaan | Funding Liquidity Risk

Risiko di mana **TH** tidak dapat memenuhi aliran tunai semasa dan pada masa hadapan, yang dijangka atau tidak dijangka, tanpa menjejaskan operasi harian atau keadaan kewangannya.

Risk that **TH** will not be able to meet both expected and unexpected current and future cash flow without affecting either daily operations or its financial condition.



Risiko Kecairan Pasaran | Market Liquidity Risk

Risiko bahawa **TH** tidak dapat melupuskan sukuk, ekuiti tersenarai dan pelaburan lain dengan mudah pada harga pasaran kerana kedalaman pasaran yang tidak mencukupi atau gangguan pasaran.

Risk that **TH** cannot easily dispose its sukuk, listed equities and other investment at market price because of inadequate market depth or market disruption.

Oleh itu, **TH** telah mengambil beberapa inisiatif di bawah Pelan Penstrukturan dan Pemulihan untuk melindungi dan mengekalkan kedudukan kecairan sebelum pengumuman berkenaan. Salah satu inisiatif termasuk pembentukan dan pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan **TH**. Tujuan rangka kerja tersebut adalah untuk meminimalkan risiko **TH** sekiranya tidak dapat memenuhi obligasi apabila ianya cukup tempoh dan mengalami kerugian yang tidak dijangka. **TH** perlu memastikan kecairan yang mencukupi sentiasa tersedia merangkumi sejumlah aset cair berkualiti tinggi yang tidak terbeban (*unencumbered, high-quality liquid assets*, HQLA), untuk menyokong operasi perniagaan harian dan berdaya tahan menghadapi pelbagai tekanan kecairan. Bagi pengurusan kecairan, prinsip utama berikut mesti dipatuhi:

- 1) Mengekalkan campuran HQLA dan penampungan kecairan yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan aliran keluar yang tidak dijangka;
- 2) Memastikan pengukuran risiko kecairan dilaksanakan dengan mengambil kira perubahan aset dan liabiliti, jurang aliran tunai dan ciri tingkah laku; dan
- 3) Menilai jurang kecairan dari perspektif aliran tunai yang disesuaikan dengan kontrak dan tingkah laku.

Dengan pelaksanaan strategi berkenaan, **TH** bersedia untuk menghadapi pengeluaran deposit yang besar. Disebabkan pengagihan keuntungan yang terendah dalam sejarah, jumlah deposit **TH** mengalami penurunan ketara sebanyak RM5.1 bilion atau 6.8 peratus daripada RM74.5 bilion pada 31 Disember 2018 kepada RM69.4 bilion pada 31 Disember 2019. Dari jumlah pengeluaran RM5.1 bilion yang dicatat, RM2.8 bilion atau 54.9 peratus berlaku dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pengumuman, menjadikan ianya pengeluaran terbesar yang pernah dialami oleh **TH** dalam tempoh sebulan. Walau bagaimanapun, **TH** dilengkapi dengan penimbun kecairan yang mencukupi, berpandukan kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan yang mantap. **TH** berupaya menangani keperluan kecairan yang timbul tanpa mendatangkan sebarang gangguan kepada sistem kewangan dan perbankan di Malaysia.

Thus, **TH** has taken a few initiatives under its Restructuring and Rehabilitation Plan in order to protect and preserve its liquidity position prior to the announcement. One of the initiatives includes the establishment and implementation of **TH's** Liquidity Risk Management Framework. The framework aims to minimise the risk of **TH** being unable to meet its liquidity obligation as they fall due and incurring unacceptable losses. **TH** shall ensure sufficient liquidity is in place including a cushion of unencumbered, high-quality liquid assets (HQLA), to support day-to-day business operations and to withstand a range of liquidity stress events. In managing liquidity, the following key principles must be observed:

- 1) Maintain an appropriate mix of HQLA and adequate liquidity buffer to meet any unexpected outflow;
- 2) Ensure liquidity risk measurements are in place and take into consideration the changes in asset and liability, cash flow gap and behavioural characteristic; and
- 3) Assess the liquidity gap from contractual and behavioural adjusted cash flows perspective.

With these strategies in place, **TH** was ready to face any large deposit withdrawals. As a result of the historic low profit distribution, **TH's** outstanding deposit recorded a significant decline of RM5.1 billion or 6.8 per cent from RM74.5 billion as at 31 December 2018 to RM69.4 billion as at 31 December 2019. Out of the RM5.1 billion withdrawal registered, RM2.8 billion or 54.9 per cent occurred 30 days after the announcement date. This is the largest net withdrawal position ever experienced by **TH** in one month. However, **TH** was equipped with sufficient liquidity buffer, guided by its robust Liquidity Risk Management Framework. **TH** was able to address the consequential liquidity requirement without causing any disruption to the financial and banking system in Malaysia.

Berdasarkan corak analisis pengeluaran melalui profil pendeposit, pengeluaran deposit yang besar berkenaan disumbangkan terutamanya dari kumpulan pendeposit berikut:

- 1) Pendeposit yang masih belum menunaikan haji; dan
- 2) Pendeposit dengan baki simpanan di antara RM100,000 hingga RM1.0 juta.

Berikutan kejayaan menangani keperluan kecairan berskala besar pada awal 2019, **TH** terus menyusun strategi dan kerangka kerja yang akan meningkatkan daya tahan **TH** dalam menghadapi sebarang kejutan makro-ekonomi pada masa hadapan. Ini termasuk mengkaji semula Strategi Alokasi Aset (*Strategic Asset Allocation*, SAA) dan Alokasi Aset Taktikal (*Tactical Asset Allocation*, TAA) agar sesuai dengan selera risiko **TH** dan objektif jangka panjangnya. Sehubungan dengan itu, aspirasi pelaburan baru **TH** beralih dari menguruskan aktiviti pelaburan berisiko tinggi yang agresif kepada menguruskan pelaburan berisiko rendah hingga sederhana. Ini bermakna lebih banyak peruntukan diberikan kepada pelaburan berkaitan pendapatan tetap dan peruntukan lebih rendah kepada pelaburan berkaitan ekuiti. Secara keseluruhan, SAA baru diselaraskan dengan profil pendeposit **TH** dan ciri produk simpanan **TH** untuk memberikan pulangan lestari dan stabil dalam lingkungan kadar toleransi risiko yang dibenarkan.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap seperti Sukuk penarafan tinggi dan berisiko rendah dapat memastikan pulangan pelaburan mampan serta mengukuhkan tahap kecairan aset **TH**. Tahap kecairan aset adalah penting untuk mengelakkan **TH** daripada mengalami kerugian besar sekiranya aset perlu dilunaskan segera untuk memenuhi kewajiban pengurusan deposit, terutama dalam menangani pengeluaran deposit yang besar seperti yang dihadapi pada awal 2019. Menggunakan struktur SAA yang kukuh dan stabil adalah penting kerana kedudukan kewangan **TH** yang baru pulih melarang **TH** bertindak agresif dalam melaksanakan pelaburan yang tidak menjamin pulangan yang stabil.

Based on the withdrawal analysis of our depositors, the large deposits withdrawal was mainly from the following group:

- 1) Depositors who have yet to perform haji; and
- 2) Depositors with saving balances of between RM100,000 to RM1.0 million

Following this success, **TH** continues to formulate strategies and framework that would enhance its resilience towards any macro-economic shock in the future. This includes revising the Strategic Asset Allocation (SAA) and Tactical Asset Allocation (TAA) to suit **TH**'s risk appetite and its long-term objective. With this, **TH**'s new investment aspiration shifts from managing aggressive, high-risk investment activities to managing a low to moderate-risk investments. This means more allocation is given to fixed income related investment and a lower allocation for equity related investment. Altogether, the new SAA is aligned with **TH** depositors' profile and the features of its savings product to provide sustainable and stable return within an allowable risk tolerance rate.

Investments in fixed income securities such as sukuk with strong rating and low risk can ensure sustainable investment returns as well as strengthen **TH**'s asset liquidity level. The asset liquidity level is important to prevent any substantial loss if the assets need to be liquidated promptly to fulfill deposit management obligations, especially in addressing large deposit withdrawals such as that faced in early 2019. A robust and stable SAA is also crucial as **TH**'s recently recovered financial position forbids **TH** from being aggressive in exercising investments that does not guarantee stable returns.

Ringkasnya, SAA baru ini merupakan kerangka tambahan untuk menggabungkan pengurusan kecairan sedia ada, melalui penerapan strategi-strategi seperti berikut:

- 1) Mengurus secara sistematik yang mengimbangkan antara risiko dan ganjaran;
- 2) Memberi pendapatan yang stabil sambil mengekalkan hasil yang boleh diterima;
- 3) Memfokus kepada aset HQLA untuk pengurusan kecairan; dan
- 4) Mengkaji komposisi pendedahan tempatan dan asing.

Dari perspektif strategik, **TH** juga telah mengetengahkan pengurusan kecairan sebagai sebahagian daripada komponen pemacu utama Blok Pembangunan Strategik (*Strategic Building Blocks*, SBB) **TH** untuk tahun 2019 - 2020. SBB, yang merupakan prinsip panduan kepada Model Perniagaan **TH** yang baharu, menekankan keseimbangan tunai dan bukan tunai (termasuk HQLA) sebagai sebahagian daripada pengurusan aset ke arah Fasa 2 Pelan Penstrukturan dan Pemulihan. Dalam memperkukuhkan pengurusan tadbir urus dan kecairan, **TH** juga berjaya membangun dan mewujudkan perkara berikut:

- 1) Kenyataan selera risiko dan toleransi risiko;
- 2) Dasar pengurangan kerugian;
- 3) Kriteria penerimaan risiko;
- 4) Dasar parameter risiko portfolio;
- 5) Dasar rizab dan pengagihan keuntungan; dan
- 6) Dasar ujian tekanan.

Semua perkara di atas dibangunkan bertujuan untuk mengatasi kesan buruk pergerakan aktiviti pelaburan dan deposit kepada pengurusan kecairan **TH** secara menyeluruh.

In summary, the new SAA is an added framework to consolidate the existing liquidity management by incorporating these strategies:

- 1) Managing in a systematic way that balances risk and reward;
- 2) Delivering stable income while maintaining an acceptable yield;
- 3) Focusing on HQLA asset for liquidity management; and
- 4) Reviewing local and foreign exposure composition.

From a strategic perspective, **TH** has also highlighted liquidity management as part of the key driving components of **TH's** Strategic Building Blocks (SBB) for 2019 – 2020. The SBB, which is the guiding principle of **TH's** revised Business Model, emphasized balance of cash and non-cash (including HQLA) as part of asset management towards Phase 2 of the Restructuring and Rehabilitation Plan. To further strengthen governance and liquidity management, **TH** has also developed and established the following:

- 1) Risk appetite and risk tolerance statements;
- 2) Cut loss policy;
- 3) Risk acceptance criteria;
- 4) Portfolio risk parameter policy;
- 5) Reserving and profit distribution policy; and
- 6) Stress testing policy.

All of the above were developed with the aim of cushioning the impact of adverse movement from investment and deposit related activities.

Bagaimana kecairan diurus

Kecairan **TH** dikendalikan melalui pemantauan harian pergerakan deposit serta pengeluaran oleh pendeposit, dan menyesuaikan dengan sebarang kematangan produk pelaburan **TH**. Pemantauan ini termasuk pemantauan harian terhadap petunjuk amaran awal, posisi deposit/pengeluaran bersih, kematangan pelaburan dan pergerakan pasaran.

Strategi kecairan terperinci dibuat pada awal tahun untuk mengunjur pergerakan pendeposit sebelum dan selepas pengagihan keuntungan terhadap kematangan pelaburan dan pelanjutan pelaburan. Strategi terperinci dibangunkan berdasarkan corak sejarah dan pandangan-hadapan ditambah dengan pemadanan kematangan dan pelanjutan pelaburan, sekiranya ada.

Menerusi pemantauan nisbah aset kecairan **TH** (*liquid asset ratio*, LAR), **TH** harus memastikan ia memiliki stok aset kecairan berkualiti tinggi yang tidak terbeban (*unencumbered, high-quality liquid assets*, HQLA) yang mencukupi yang terdiri daripada penempatan tunai, sekuriti pendapatan tetap berkualiti tinggi iaitu Sukuk yang diterbitkan dan/atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia dan korporat yang dinilai-AA dan lebih baik. Di bawah senario tekanan kecairan, stok HQLA berkenaan akan berupaya bertahan untuk sebarang pengeluaran yang besar dan berterusan dalam jangka masa 30 hari.

Selain perkara-perkara di atas, **TH** telah membangunkan pelan pembiayaan luar jangka (*contingency funding plan*, CFP). Ini juga adalah untuk mengurangkan risiko kecairan pembiayaan **TH**. Tujuan CFP adalah untuk menetapkan strategi dan pelan tindakan untuk menguruskan kecairan **TH** semasa krisis kecairan seperti pengeluaran deposit yang besar. Objektifnya adalah untuk memastikan pelaksanaan strategi kecairan yang teratur bagi memulihkan kedudukan dan keyakinan kecairan dalam **TH** dan meminimakan kemungkinan gangguan atas perkhidmatan yang diberikan kepada pendeposit dan rakan niaga lain. CFP menggariskan langkah-langkah yang harus diambil semasa krisis kecairan, strategi yang digunakan oleh **TH** termasuk tindakan untuk memulihkan tahap kecairan dan proses peningkatan.

How liquidity is being managed

TH's liquidity is managed via the daily monitoring of deposit and withdrawal movements and matching it against the maturity of **TH's** investment product. The monitoring comprises daily monitoring of the early warning indicators, net deposit/withdrawal position, investment maturity and market movements.

A detailed liquidity strategy was crafted at the start of the year to project depositors' movement before and after profit distribution against investment maturity and rollover investment. This was designed based on historical and forward-looking patterns coupled with the matching of investment maturity and rollover, if any.

Through liquid asset ratio (LAR) monitoring, **TH** should ensure adequate stock of unencumbered high-quality liquid assets (HQLA) that consist of cash placement, high-quality fixed income securities namely Sukuk issued and/or guaranteed by the Government of Malaysia and corporates rated-AA and better. Under a liquidity stress scenario, the stock of HQLA will enable **TH** to withstand any substantial and continuous withdrawal for a 30-day horizon.

In addition to the above, **TH** developed a contingency funding plan (CFP). This is also to mitigate its liquidity funding risk. The purpose of the CFP is to establish a strategy and action plan to manage **TH's** liquidity during a crisis such as large withdrawal of deposits. The objective is to ensure the orderly execution of liquidity strategy to restore the liquidity position and confidence within **TH** and minimise possible interruption of services to depositors and other counterparties. The CFP outlines steps to be taken during a liquidity crisis, the strategy used by **TH** including the action to restore liquidity level and the escalation process.

LAPORAN SYARIAH

Shariah Report

TH telah memperkenalkan akaun deposit berasaskan Wakalah pada penghujung 2019 sebagai salah satu usaha menambah baik perkhidmatan melalui pembaharuan dan penstrukturan. Wakalah merupakan konsep Syariah yang diguna pakai dengan meluas dalam industri kewangan Islam sama ada di Malaysia mahupun global. Wakalah telah berkembang sebagai salah satu mekanisme yang signifikan dalam pasaran kewangan Islam.

Dalam konteks **TH**, pendeposit sebagai prinsipal (*muwakkil*) melantik **TH** sebagai ejen (*wakil*) untuk menguruskan dana pendeposit. Sebagai pengurus dana, **TH** menguruskan urusan haji dan melaburkan dana tersebut serta mengagih keuntungan berdasarkan prestasi dana tersebut selaras dengan Akta Tabung Haji (535). Di bawah struktur Wakalah ini, **TH** tidak mengenakan sebarang fi, tetapi **TH** akan menolak kos pengurusan, kos haji dan zakat daripada keuntungan yang dijana sebelum pengagihan keuntungan.

Penggunaan Wakalah sebagai konsep pendasar produk deposit **TH** membolehkan pendeposit mendapat nilai tambah dan manfaat lain di samping kemudahan sedia ada terus kekal dinikmati.

TH has introduced *Wakalah* based deposit account at the end of 2019 as part of its effort to improve and enhance services through execution of reform efforts and restructuring. *Wakalah* is a Shariah-based concept which is widely applied in Islamic finance in Malaysia and globally. *Wakalah* has grown to become one of the significant mechanism in Islamic financial market.

In the context of **TH**, depositor as the principal (*muwakkil*) appoints **TH** as an agent (*wakil*) to manage depositors fund. As the fund administrator, **TH** invests the fund and distributes profit based on the performance of the fund while managing hajj's affairs in accordance with the Tabung Haji Act (535). Under the *Wakalah* structure, **TH** does not impose any fee, nonetheless will deduct the management cost, hajj cost and zakat from the profit generated before distribution to depositors.

The application of *Wakalah* as the underlying concept of **TH** deposit product enables depositors to gain additional value and other benefits while enjoying existing facilities.


Pendeposit mendapat nilai tambahan di samping kemudahan sedia ada kekal dinikmati

Depositors receive added value as well as existing benefits

KELEBIHAN WAKALAH Benefits

Tiada had simpanan & pengeluaran pada bila-bila masa

No limitation of deposits & withdrawals at any time



Simpanan selamat & dijamin kerajaan

Savings are safe & guaranteed by the Government

Zakat pendeposit telah ditunaikan
Depositors zakat has been paid

Agihan keuntungan berdasarkan prestasi kewangan

Profit distribution based on financial performance

ARTIKEL PILIHAN | Feature Article

WAKALAH | Wakalah

Perkataan Wakalah berasal dari perkataan bahasa arab Wakala (وکّل) yang bermaksud penyerahan, perlindungan dan penjagaan¹. Dari segi istilah, terdapat pelbagai takrifan yang diberikan oleh fuqaha'. Menurut ulama' Mazhab Hanafi, Wakalah ialah pelantikan seseorang untuk mengambil tempatnya dan mewakilinya bagi melaksanakan sesuatu tugas yang diharuskan Syarak bagi pihaknya². Manakala Ulama Mazhab Syafie pula mendefinisikan Wakalah sebagai menyerahkan hak kepada seseorang dalam hal-hal yang dapat diwakilkan kepada orang lain selama ia hidup³.

Merujuk kepada Piawaian Syariah *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI), Wakalah ditakrifkan sebagai tindakan satu pihak mewakilkan pihak lain bagi pihaknya terhadap sesuatu yang boleh dijadikan subjek perwakilan⁴.

Dalil Keharusan Kontrak Wakalah

Keharusan kontrak Wakalah ini telah termaktub dalam Quran, Hadith dan juga Ijma'. Berikut adalah sumber-sumber daripada nas dan juga Ijma' yang menunjukkan keharusan kontrak Wakalah secara umum:

1. Al-Quran

"..Maka suruhlah salah seorang di antara kamu pergi ke kota dengan membawa wang perakmu ini dan hendaklah dia lihat, manakah makanan yang lebih baik, maka hendaklah dia membawa makanan itu untuk kamu.." ⁵

Ayat ini menceritakan kisah Ashabul Kahfi di mana salah seorang daripada mereka pergi membeli bekalan makanan mewakili rakan-rakannya yang lain.

The term *Wakalah* originated from an Arabic word *Wakala* (وکّل) which means delegation, authorisation and representation¹. Technically, there are various definitions given by *fuqaha'*. According to Hanafiyah scholars *Wakalah* is when a person appoints another individual to replace and represent him to perform specific tasks required by Shariah on his behalf². Meanwhile, Shafie scholars defines *Wakalah* as authorising a person in undertakings that can be a subject matter of delegation to others during his lifetime³.

According to the Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) Shariah standards, *Wakalah* is defined as the act of one party delegating the other on its behalf to conduct what can be regarded as a subject of representation⁴.

Proof of *Wakalah* Contract Legitimacy

The legitimacy of the *Wakalah* contract is stated in the Quran, Hadith and *Ijma'*. The following are sources cited from the nas and *Ijma'* which show the principles of *Wakalah* contract in general

1. Al-Quran

"... let one of you go to the city with this silver coin and find food that is purest and lawful (that is sold there). Let him bring you provision of it..." ⁵

The verse tells the story of one member of the *Ashabul Kahfi* who went to buy food on behalf of the others.

¹ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 11:736.,

² Hasyiyah Ibn Abidin 4/400

³ Mughni al-Muhtaj, 217

⁴ AAOIFI Shariah Standard, Standard no. 23

⁵ Surah Al-Kahfi: 19

2. Hadith Rasulullah S.A.W

“Dari ‘Urwah Al-Bariqi, bahwasanya Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam memberikan padanya satu dinar untuk dibelikan dengannya seekor kambing. Lantas beliau membeli dengannya dua ekor kambing, dan beliau jual salah satunya dengan harga satu dinar, kemudian beliau berikan kepada Nabi seekor kambing dan satu dinar. Kemudian Nabi mendoakan keberkatan dalam jual belinya. Maka, jika beliau membeli pasir, nescaya ia akan memberikan keuntungan”.

Hadith yang disebutkan di atas menjelaskan keharusan untuk mewakilkan orang lain untuk membeli sesuatu.

3. Ijma’

Para ulama juga bersepakat akan keharusan akad Wakalah. Sebahagian mereka bahkan ada yang cenderung menganjurkannya dengan alasan bahawa hal tersebut termasuk jenis tolong menolong atas dasar kebaikan dan ketakwaan⁶.

Ibnu Qudamah berkata: “Umat Islam telah bersepakat dengan ijma’ atas dibolehkannya akad Wakalah”.

2. Hadith Rasulullah S.A.W

“Narrated by ‘Urwah Al-Bariqi that The Prophet (SAW) gave him a dinar to buy a sheep. He therefore bought two sheep, sold one of them for a dinar, and brought him a sheep and a dinar. So the Prophet (SAW) invoked a blessing on him in his business dealing and he was such that if had he bought dust he would have made profit from it”.

The above-mentioned hadith clarifies the permissibility of a party to give mandate to another party to perform transactions.

3. Ijma’

A consensus of Islamic scholars agrees on the permissibility of the *Wakalah* contract. Some of them tend to execute it on the grounds that it is regarded as helping those in need of assistance out of kindness and piety⁶.

It has been stated by Ibnu Qudamah: “The Muslims have unanimously accepted the *Ijma’* on the permissibility of the *Wakalah* contract”.

6 Taudhih Al-Ahkam, karya Syakh Abdullah Al-Bassam IV/627



ULASAN OPERASI

Operational Review



DATUK NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif
Group Managing Director & Chief Executive Officer

“ Meskipun ekonomi global terus menunjukkan petanda lemah, namun **TH** telah berjaya mengharungi 2019 dengan merekodkan prestasi kewangan lebih sihat dengan pendapatan kasar sebanyak RM3.2 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat berjumlah RM1.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Despite the continued signs of a weak global economy, **TH** concluded the year with a healthier gross income of RM3.2 billion and a net profit after zakat of RM1.8 billion for the financial year ended 31 December 2019. ”



DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG
Segala pujian bagi Allah SWT. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga
dan para sahabat Baginda.

IN THE NAME OF ALLAH THE MOST GRACIOUS AND THE MOST MERCIFUL
All praise be to Allah SWT. Salutations, peace and blessings upon our Prophet Muhammad SAW, his families
and companions.

Tahun 2019 merupakan tahun pengukuhan bagi **TH**. Ketika dunia sedang menghadapi kelembapan ekonomi yang meluas akibat ketidaktentuan dasar dan pertikaian perdagangan yang berpanjangan, **TH** mendepani kemelut ini dengan mengambil langkah-langkah pengukuhan asas organisasi dan bersiapsiaga menghadapi masa depan.

Dengan memberi keutamaan kepada kepentingan pemegang taruh dan para pendeposit, **TH** kekal fokus mengukuhkan tiga (3) asas penting iaitu pentadbiran dana, perkhidmatan haji dan operasi perniagaan seperti yang digariskan dalam Akta Tabung Haji (1995). Strategi pengukuhan **TH** diterjemahkan melalui enam (6) dasar utama iaitu pentadbiran dana, pengurusan haji, tadbir urus, operasi, modal insan dan sinergi Kumpulan **TH**.

Dalam apa jua yang dilakukan, kami percaya kepada keperluan untuk mengambil selangkah ke belakang sebelum mengorak langkah lebih maju ke hadapan. Ini membolehkan kami melihat dari perspektif yang lebih meluas akan tujuan sebenar penubuhan **TH**. Bagi kami, 'kembali kepada asas' bermakna kembali kepada prinsip, dasar dan peranan utama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Tabung Haji. Peranan dan fungsi **TH** adalah untuk mentadbir dana yang diamanahkan oleh umat Islam Malaysia, merangkumi wang simpanan untuk menunaikan haji dan juga untuk tujuan pelaburan melalui pelbagai aktiviti pelaburan dan perniagaan bagi meraih pulangan wajar buat pendeposit. Selain itu, **TH** juga bertanggungjawab menjaga kesejahteraan jemaah haji Malaysia melalui pengurusan haji yang cekap. Oleh itu, kami komited mendukung kepercayaan yang telah diberikan oleh para pendeposit.


Berpegang kepada peranan asas yang ditakrifkan dalam Akta, kami terus kekal fokus melaksanakan mandat dengan berusaha membuat keputusan terbaik dan mengambil tindakan wajar demi kepentingan organisasi dan pendeposit kami.

The year 2019 was a year of consolidation. Amid the broad-based deterioration of the world economy due to prolonged trade disputes and policy uncertainties, **TH** confronted the global slowdown with various measures to strengthen and future-proof the organisation.

With depositors' and stakeholders' interest remains as our priority, **TH** stays focused in strengthening our three (3) key pillars namely fund administration, hajj services and business operation as outlined in the Tabung Haji Act (1995). Our strategies to strengthen **TH** are translated into six (6) main thrusts namely, fund administration, hajj management, governance, people, operation and synergy within the **TH** group of companies.

In everything that we do, we believe that it is prudent to take a step back to move forward. This will allow us to have a broader perspective on the purpose of our establishment. Going 'back to basics' for us means returning to the fundamental principles and defined roles as stated in the **TH** Act. **TH**'s roles and functions are to administer the funds entrusted by Malaysian Muslims, consisting of savings to perform hajj and subsequently managing them as investments which will allow **TH** to provide reasonable returns to depositors. In addition, **TH** is also responsible for the welfare of Malaysian pilgrims by managing their hajj obligations efficiently. Therefore, we are committed to uphold the trust given by our depositors.

Staying true to the fundamental roles defined by the Act, we continue to be steadfast in delivering the mandates which involve making decisions and taking actions for the best interest of the organisation and our depositors.



Pelaburan Berhemah, Pemantauan Risiko yang Jelas

Berpandukan strategi pelaburan yang mampan dalam mentadbir dana, **TH** mampu mempamerkan peningkatan prestasi dan kedudukan kewangan yang lebih baik. Meskipun ekonomi global terus menunjukkan petanda lemah, namun **TH** telah berjaya mengharungi 2019 dengan merekodkan prestasi kewangan lebih sihat dengan pendapatan kasar sebanyak RM3.2 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat berjumlah RM1.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Keuntungan bersih telah melonjak 14 peratus lebih tinggi daripada RM1.6 bilion yang telah dicatatkan pada tahun sebelumnya dan ini membolehkan **TH** mengisytiharkan pengagihan keuntungan sebanyak 3.05 peratus selepas zakat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Ini melibatkan jumlah pembayaran berjumlah RM2.1 bilion, iaitu RM1.2 bilion lebih tinggi daripada RM923 juta yang diagihkan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Pendapatan **TH** dijana daripada empat (4) portfolio utama iaitu aset pendapatan tetap yang menyumbang RM1.8 bilion, pelaburan hartanah dan pelaburan ekuiti masing-masing sebanyak RM0.5 bilion, manakala instrumen pasaran wang Islam mencatatkan pendapatan berjumlah RM0.4 bilion.

Prudent Investments, Clear Oversight of Risk

Driven by sustainable investment strategies in its fund administration, **TH** has produced an improved performance and financial position. Despite the continued signs of a weak global economy, **TH** concluded the year with a healthier gross income of RM3.2 billion and a net profit after zakat of RM1.8 billion for the financial year ended 31 December 2019. The net profit was 14 per cent higher than the RM1.6 billion recorded in the previous year and this had allowed us to declare a profit distribution of 3.05 per cent after zakat for financial year ended 31 December 2019. This involved a total pay-out of RM2.1 billion, RM1.2 billion higher than the RM923 million distributed for financial year ended 31 December 2018.

The income was generated from four (4) portfolios namely fixed income asset which contributed RM1.8 billion, property investment and equity investment with RM0.5 billion each, and Islamic money markets instrument that provided RM0.4 billion.

Pelaksanaan pelan pemulihan dan penstrukturan **TH** yang melibatkan pemindahan aset kurang berdaya saing kepada Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik kerajaan - Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB), telah selesai dilaksanakan pada 28 Disember 2018. Pemindahan aset ini dibiayai dengan Sukuk yang telah dikeluarkan oleh UJSB. Usaha pemulihan ini disokong komitmen Kerajaan yang memperuntukkan RM500 juta untuk tahun 2020 dan RM1.73 bilion setahun bagi tahun-tahun seterusnya sehingga Sukuk ditebus sepenuhnya.

Sukuk yang diterbitkan ini memberikan pulangan pada kadar 4.05 peratus untuk tempoh tujuh tahun dan 4.1 peratus selama 10 tahun, di mana **TH** akan menjana pendapatan sebanyak RM800 juta setahun. Urus niaga ini melibatkan pemindahan aset-aset bernilai RM9.7 bilion dengan nilai pindahan sebanyak RM19.9 bilion. Ini melibatkan 106 saham kurang berdaya saing yang mengalami penurunan nilai lebih 20 peratus, sebuah syarikat perladangan tidak tersenarai dan tidak memberikan sebarang pulangan, dan 29 hartanah dan bidang tanah dengan kadar pulangan kurang 2 peratus. Aset-aset ini dipindahkan ke UJSB untuk proses pemulihan.

Terbitan Sukuk UJSB ini juga selari dengan kerangka baharu Strategi Alokasi Aset **TH** berdasarkan iklim pelaburan dalam dan luar negara yang mencabar. Langkah menyemak semula Strategi Alokasi Aset ini merupakan satu langkah yang perlu untuk mencerminkan selera risiko yang sesuai untuk **TH** di samping memberi tumpuan kepada model pendapatan berulang melalui instrumen kewangan yang mempunyai kedudukan kredit yang kukuh. **TH** kini lebih fokus untuk membuat pelaburan yang menjamin pulangan lebih stabil dan mampan untuk para pendeposit. Ini bermakna memperbanyakkan pelaburan dalam aset pendapatan tetap sebanyak 55 peratus, ekuiti sebanyak 25 peratus, hartanah sebanyak 15 peratus dan selebihnya didalam instrumen pasaran wang. Perubahan strategi ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memulihkan portfolio pelaburan **TH** serta menjamin pertumbuhan masa depan melalui pelaburan mampan dan berkualiti.

Pemulihan dan penstrukturan semula merupakan faktor utama peningkatan positif dalam kedudukan kewangan **TH**. Pada 31 Disember 2019, jumlah aset adalah RM75.2 bilion melebihi liabiliti yang berjumlah RMRM72.3 bilion.

Prestasi ini meletakkan **TH** di atas landasan yang tepat ke arah penambahbaikan dalam perkhidmatan kepada para pendeposit. Kami berbesar hati untuk melaporkan bahawa keyakinan dan sokongan para pendeposit masih utuh berdasarkan jumlah deposit yang direkod berjumlah RM69.4 bilion pada 31 Disember 2019, dengan lebih 30,000 akaun simpanan baharu telah dibuka dalam tempoh Januari sehingga Disember 2019.

The Rehabilitation and Restructuring Plan involving the transfer of our underperforming assets to Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB), a Government-owned Special Purpose Vehicle (SPV), in return for its Sukuk was successfully completed on 28 December 2018. The exercise was supported by the Government with the allocation commitment of RM500 million in 2020 and subsequently RM1.73 billion per year until the Sukuk is redeemed in full.

The issued Sukuk provides returns of 4.05 per cent for a tenure of 7 years and 4.1 per cent for 10 years, through which **TH** will generate a revenue of RM800 million a year. This transaction involved the transfer of assets valued at RM9.7 billion for a transfer value of RM19.9 billion. The underperforming assets include 106 stocks whose price have dropped by more than 20 per cent, an unlisted plantation company with zero returns and 29 properties and land with a return rate of less than 2 per cent. These assets were transferred to UJSB for rehabilitation.

The Sukuk subscription was also in line with **TH**'s new Strategic Asset Allocation (SAA) framework. In view of the challenging investment climate locally and abroad, **TH**'s revised SAA was a necessary step to appropriately reflect **TH**'s risk appetite while focusing on a recurring-income model via financial instruments with strong credit standing. **TH** is now more focused on investments which are more stable and provide sustainable returns for its depositors. This involves investing more in fixed income assets which constitute 55 per cent, followed by equities with 25 per cent, real estate with 15 per cent and the balance in money market instruments. The shift in strategy was part of our effort to rejuvenate the investment portfolio while securing future growth through sustainable quality investments.

The Rehabilitation and Restructuring exercise was a major stepping stone for positive improvements in our financial standing. As at 31 December 2019, total assets stood at RM75.2 billion exceeding total liabilities of RM72.3 billion.

With the results, **TH** is on track to further enhance its services for depositors. We are pleased to report that the support and confidence of our depositors remained intact as we recorded total deposits of RM69.4 billion as at 31 December 2019. For the period of January until December 2019, more than 300,000 new accounts were opened.

ULASAN OPERASI | Operational Review

Mempertingkatkan Operasi Haji, Memperkaya Pelaksanaan Ibadat


TH mengutamakan kesejahteraan para jemaah dan sentiasa mencari jalan baharu dalam merangka struktur operasi haji yang lebih baik. Ini adalah selari dengan mandat yang diamanahkan kepada kami untuk membantu dan memudahkan umat Islam negara menunaikan rukun Islam yang kelima.

Alhamdulillah, operasi haji bagi musim 2019 telah berjalan lancar tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Ini dicapai atas dedikasi dan kecekapan pasukan petugas haji serta hubungan baik antara **TH** dengan pihak Kedutaan Arab Saudi di Malaysia, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi dan Muassasah Asia Tenggara. Komitmen petugas dan Sahabat Maktab yang membantu dari sudut logistik dan pelbagai perkhidmatan sampingan lain turut menyumbang kepada kelancaran operasi.

Enhancing Hajj Management, Enriching Pilgrimage

TH places the welfare of the pilgrims at the forefront and therefore is constantly looking into new avenues to formulate a better structure for hajj operations. This is in line with our mandate to facilitate and assist Muslims in performing the fifth pillar of Islam.

Alhamdulillah, hajj operations for the 2019 season went smoothly without any undesirable incidents. This was mainly due to the dedication and efficiency of our team and the good relationship between **TH** and the Saudi Arabian Embassy in Malaysia, the Saudi Ministry of Hajj and Umrah, as well as the South East Asia Muassasah. The commitment of **TH** staff and volunteers who took part in the logistical operations and various other services contributed significantly to the smooth running of the operations as well.



Kuota rasmi haji Malaysia bagi Musim Haji 1440H/2019M adalah seramai 30,200 orang. Walaupun kos haji secara keseluruhan terus meningkat pada setiap tahun, namun kos bayaran haji jemaah Malaysia masih dikekalkan pada kadar RM9,980 seorang. Bagi tahun 2019, kos haji sebenar bagi seorang Jemaah Muassasah adalah RM22,900, di mana 56.4 peratus atau RM12,920 di tanggung dari keuntungan pelaburan **TH**, menjadikan jumlah keseluruhan tanggungan haji hampir mencecah RM300 juta. Kos ini adalah untuk menampung harga tiket penerbangan charter, penginapan, pengangkutan, makanan dan pembayaran kepada pihak berkuasa Arab Saudi bagi tempoh penginapan melebihi 40 hari termasuk Masya'ir. Sebagai tambahan kepada kos ini, RM57 juta juga telah diperuntukkan untuk perkhidmatan perubatan dan kewangan, kursus haji, bimbingan serta panduan ibadat haji.

Peningkatan kos haji tahunan ini memerlukan **TH** untuk meneroka mekanisme terbaik dalam memastikan kelangsungan jangka panjang tanggungan haji. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan **TH** selaras dengan reputasinya sebagai badan pengurusan haji terbaik di dunia – pengiktirafan yang telah diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi dan beberapa negara Islam lain.

TH telah melakukan pelbagai penambahbaikan pada musim lalu di antaranya menyewa Airbus A380 secara khusus bagi kesemua penerbangan haji dalam memastikan keselesaan jemaah dan keselarasan perkhidmatan, memperkenalkan aplikasi digital untuk jemaah seperti e-Selidik bagi pengurusan umrah kali pertama jemaah haji Malaysia, memperkenalkan aplikasi digital KAMAR sebagai penambahbaikan sistem peruntukan bilik, menempatkan bantuan pasukan perubatan dan kemudahan menunggu di Kompleks Jamarat di Mina, memperkenalkan inisiatif EYAB bagi proses penerbangan balik jemaah haji di Lapangan Terbang Jeddah dan Madinah, dan melancarkan kempen kebersihan di kesemua bangunan penginapan di Makkah berikutan kejayaan kempen tersebut semasa Masya'ir pada tahun sebelumnya.

Kejayaan Musim Haji 1440H/2019M dibuktikan melalui hasil tinjauan Indeks Kepuasan Pelanggan yang memperoleh skor kepuasan sebanyak 90 peratus, iaitu melebihi sasaran asal sebanyak 85 peratus.

Memperkukuh Tadbir Urus, Menambah Baik Operasi

Memperkukuhkan tadbir urus korporat menjadi keutamaan dalam usaha kami menjadi institusi Islam yang dihormati di atas pencapaian dan amalan tadbir urusnya. Komitmen terhadap ketelusan dan tadbir urus merupakan cara **TH** mencapai kecekapan dalam operasi, mengurangi risiko dan melindungi kepentingan pemegang taruh. Atas komitmen tersebut, beberapa dasar penting telah diperkenalkan untuk mengukuhkan perniagaan melalui langkah memperkukuhkan tadbir urus dan pengurusan strategik, mempertingkatkan pengurusan kewangan dan risiko, mengoptimalkan pulangan, mengkaji semula operasi dan memperbaiki pengurusan kos.

Malaysia's official quota for 1440H/2019M Hajj Season was 30,200 people. The overall hajj cost has escalated over time and it has been increasing every year. Nonetheless, for the past 10 years, the cost for a Muassasah first time hajj pilgrim remains at RM9,980. For year 2019, the actual hajj cost for a Muassasah pilgrim was RM22,900, of which 56.4 per cent or RM12,920 was borne out of profits from **TH's** investment. The total expenditure for the hajj financial support was almost RM300 million in 2019. This cost covered charter flight ticket prices, accommodation, transportation and meals as well as payment to Saudi Arabian authorities for a stay period of more than 40 days including Masya'ir. In addition to this cost, RM57 million was also allocated for other free services including medical and finance services, hajj courses, counselling and pilgrimage guides.

In view of rising costs, there is a need for **TH** to explore the best mechanism for the hajj financial assistance to ensure its long-term sustainability. This is part of **TH's** continuous efforts to maintain its reputation as the world's best hajj management body - a recognition awarded by the Government of Saudi Arabia and several other Muslim countries.

Many improvements were made last season including chartering Airbus A380 for all hajj flights to provide comfort and the best services for the pilgrims. We introduced digital applications like e-Survey to facilitate the management of Malaysian pilgrims' first Umrah, KAMAR which is an improved room allocation system, and the placing of medical assistance and waiting facilities at the Jamarat complex in Mina. The EYAB initiative was introduced to facilitate easy arrival and departure at the airports in Jeddah and Madinah and last but not least we launched a cleanliness campaign at all the accommodations in Makkah following the successful implementation of a similar campaign during Masya'ir in the previous year.

The success of the 1440H/2019M Hajj Season was reflected in the findings of the Customer Satisfaction Index survey showing a score of 90 per cent, higher than the 85 per cent target set earlier.

Strengthening Governance, Improving Operation

Strengthening corporate governance is our utmost priority in our drive to become Malaysia's leading Islamic institution respected for its performance and governance. **TH's** commitment to transparency and good governance is our means in achieving effectiveness in our operations, mitigating risks and safeguarding stakeholders' interests. This has resulted in the introduction of key policies to strengthen our business through the streamlining of governance and strategic management, enhancing financial and risk management, optimising returns, reviewing operations and improving cost management.



Dalam usaha untuk memperkukuhkan tadbir urus pula, kami juga perlu meningkatkan pelaburan modal insan. Memiliki kelompok bakat tenaga kerja yang berdedikasi dan cekap dengan kemahiran yang relevan merupakan keutamaan kami. Ini termasuk mengisi jawatan penting dengan menempatkan pakar-pakar industri yang berkelayakan. Sasaran kami adalah untuk menjadi platform bagi pembangunan tenaga kerja yang terdiri daripada golongan Mukmin profesional. Dengan adanya tenaga kerja yang kompeten dan penerapan digitalisasi dan inovasi, kami akan lebih bersedia untuk membawa operasi **TH** ke peringkat yang lebih tinggi.

Sementara itu, **TH** turut menggandakan lagi usaha penambahbaikan operasi dan perkhidmatan yang selaras dengan Syariah. Langkah terbaru yang diambil dengan memperkenalkan konsep Wakalah bagi kontrak simpanan pendeposit. Wakalah merupakan mekanisme dan konsep asas dalam pasaran kewangan Islam yang telah digunapakai secara meluas di Malaysia dan peringkat antarabangsa. Pertukaran kepada konsep kontrak simpanan Wakalah memberi peluang kepada **TH** untuk memberi nilai tambah dan faedah kepada pendeposit.

Menerusi konsep ini, pendeposit mewakilkan **TH** untuk mentadbir dana dan menjalankan transaksi perniagaan serta pelaburan dalam aset patuh Syariah bagi pihak mereka. **TH** kemudiannya akan mengagihkannya semula keuntungan yang dijana kepada pendeposit berdasarkan prestasi pelaburan-pelaburan yang dijalankan selepas melaksanakan tanggungjawab zakat yang berkenaan.



In strengthening governance, we need to increase our investment in our human capital. Having a dedicated and competent talent pool with relevant skills and values is high in our priority. This includes filling up key positions with qualified industry experts. It is our aim to be a platform in building a workforce consisting of professional Mukmin. With a competent workforce and the adoption of digitalisation and innovation, **TH** will be ready to bring our operation to a higher level.

TH has also stepped up efforts in enhancing our operation and services in line with Shariah. The most recent move was the introduction of the *Wakalah* as the underlying concept in our contract with depositors. *Wakalah* is a mechanism used in Islamic financial markets in Malaysia and globally. The conversion to *Wakalah* concept savings contract allows **TH** to add value and benefits to our depositors.

Under this concept, depositors appoint **TH** as their representative to manage their deposits and perform business transactions and investments in Shariah-compliant assets on their behalf. **TH** will eventually distribute profits back to depositors based on the performance of these investments after discharging relevant zakat obligations.



Sinergi Anak-Anak Syarikat, Memacu Kejayaan Akan Datang

Kami yakin dengan meningkatkan kecekapan di seluruh organisasi dan menggabung sumber dalam Kumpulan, pulangan dapat dipertingkatkan dan kos operasi mampu dikurangkan. Antara usaha yang dilakukan meliputi bidang penjana hasil pangkalan data pelanggan, rujukan pemasaran dan perniagaan silang, platform perkhidmatan bersama, memaksimumkan sumber Kumpulan, memanfaatkan rantai nilai dan perolehan, penyedia perkhidmatan pilihan dan pelaksanaan aktiviti tanggungjawab sosial secara berkumpulan.

Secara umumnya, anak-anak Syarikat **TH** menunjukkan perkembangan baik dalam operasi perniagaan dan mencatat keputusan positif sekali gus menyumbang kepada pendapatan Kumpulan. Pada 31 Disember 2019, keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) Bank Islam meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada RM843.5 juta manakala Takaful Malaysia merekodkan keuntungan sebelum zakat dan cukai lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya dengan peningkatan 24 peratus kepada RM417.7 juta berbanding RM337 juta pada tahun 2018. BIMB Investment menjadi pengurus dana amanah ESG Syariah terbesar di Malaysia dan ketiga terbesar di dunia dengan jumlah dana melebihi RM900 juta, sementara TH Travel Sdn. Bhd. telah berjaya memberikan perkhidmatan kepada 22,300 jemaah haji dan umrah dalam hal-hal berkaitan visa dan pasport, operasi penerbangan, keberangkatan di lapangan terbang serta katering.

Namun, masih banyak usaha yang perlu kami lakukan bagi memulihkan anak-anak syarikat dalam sektor perladangan, pembangunan hartanah dan hospitaliti.



Synergising Our Subsidiaries, Fuelling Future Achievements

We believe that by driving efficiency across the organisation and synergising resources within the Group, investment returns could be improved and cost reduced. This involves efforts such as monetisation of customer base, cross marketing and business referrals, shared services platform, optimisation of Group resources, leveraging on value chain and procurement and group-wide CSR activities.

In general, **TH** subsidiary companies showed improvement in business operation and recorded positive results which contributed to the overall Group's profit. As at 31 December 2019, Bank Islam's profit before zakat and tax (PBZT) increased by 4.1 per cent to RM843.5 million while Takaful Malaysia recorded higher profit before zakat and tax compared to the previous year, with an increase of 24 per cent to RM417.7 million from RM337 million in 2018. BIMB Investment became Malaysia's largest and the world's third largest Shariah ESG trust fund manager with a total fund size of more than RM900 million, while TH Travel Sdn. Bhd. had successfully provided services to 22,300 hajj and umrah pilgrims in matters related to visa and passport, flight operations, airport departures as well as catering.

However, more work need to be done to turn around our subsidiary companies which are involved in plantation, property development and hospitality sectors.

Melangkah Ke Hadapan

Dalam menjalani cabaran ekonomi semasa, kami sentiasa komited dalam memastikan **TH** terus merealisasikan tujuan asal dan tanggungjawab kami kepada para pemegang taruh. Untuk mendepani masa hadapan, kami akan kekal fokus pada tujuan dasar kewujudan **TH**. Daripada sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk kemudahan simpanan haji, **TH** kini diiktiraf sebagai contoh terbaik badan pengurusan haji di peringkat antarabangsa. Sepanjang lebih 50 tahun kewujudannya, **TH** telah berkembang menjadi sebuah organisasi berdasarkan Syariah sekaligus mengukuhkan ekonomi umat Islam di Malaysia melalui aktiviti-aktiviti pentadbiran dana.

Selaras dengan mandat tersebut, kami kini sedang mengukuhkan asas kami untuk meningkatkan keyakinan para pendeposit bahawa pelaburan mereka adalah terpelihara dan mampu memberi pulangan yang berpadanan dengan tujuan asas penubuhan **TH**. Oleh itu, tadbir urus yang merupakan aspek penting dalam Islam akan terus diperkukuhkan.

Sambil mara mengorak langkah, kami sentiasa bersiapsiaga untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Dalam menjangkakan kelembapan pertumbuhan ekonomi global dan fasa pemulihan yang sederhana, kami amat menantikan kestabilan ekonomi dunia. Sementara itu, kami akan terus melaksanakan pembaharuan berstruktur untuk mengurangkan kesan penguncupan dalam aktiviti ekonomi di dalam negara dan di peringkat global.

Penghargaan

Bagi pihak pengurusan, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada anggota Lembaga di atas sokongan berterusan mereka. Saya juga berterima kasih kepada para pendeposit di atas kepercayaan dan keyakinan mereka untuk kami melaksanakan tanggungjawab besar ini bagi pihak mereka. Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada warga kerja dan rakan strategik **TH** atas dedikasi serta kerja keras mereka sepanjang tahun. Alhamdulillah, kami dapat sama-sama berganding bahu memastikan 2019 berakhir dengan lebih baik. Saya berharap untuk meneruskan kerjasama ini pada tahun 2020 dan tahun-tahun akan datang bagi mencapai keutamaan jangka panjang dan membawa **TH** ke tahap yang lebih tinggi, Insya-Allah.

Moving Forward

Despite the current economic challenges, we are committed to ensuring **TH** upholding its purpose and responsibilities to its stakeholders. As we look to the future, we will not lose sight of how important it is to maintain focus on **TH's** *raison d'être* or its reason for being. From merely a statutory body to provide savings facilities for hajj, **TH** is today recognised as an exemplary hajj management body internationally. Spanning over 50 years, **TH** has expanded to become a true Shariah-based organisation that strengthens the Malaysian Muslims' economy through its fund administration activities.

Clear with this mandate, we are stepping up efforts to further strengthen our fundamentals and boost our depositors' confidence to ensure that their investments are safeguarded and provide returns commensurating with the purpose of **TH**. Good governance, which is an important aspect of Islam, will continue to be strengthened.

As we move forward, we prepare ourselves to face the challenges ahead. Expecting a less dynamic growth and modest recovery, we look forward to the stabilisation of the global economy. Meanwhile, we will continue to implement structural reforms to cushion the impact of the contraction in economic activities locally and globally.

Appreciation

On behalf of the management team, I wish to extend my gratitude and appreciation to the Lembaga for their continued support. I would also like to thank our depositors for their trust and confidence in us. Last but not least, a heartiest thank you to the staff and **TH** strategic partners who have displayed hard work and dedication throughout the year. Alhamdulillah, together we have made 2019 a better year. I look forward to continue working with them in 2020 and beyond, to deliver on our long-term priorities and bring **TH** to greater heights, Insya-Allah.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif
Group Managing Director & Chief Executive Officer

ARTIKEL PILIHAN | Feature Article

Mengukuhkan Asas **TH** | Strengthening The Foundation of **TH**

Mengimbas kembali sejarah 57 tahun lalu, asas penubuhan Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah atas kesedaran akan tanggungjawab agama untuk menjaga kebajikan umat Islam negara; sehingga membawa **TH** di mana ia berada kini. Bagi menilai semula kedudukannya hari ini, adalah penting untuk memahami kisah asal penubuhan **TH** untuk memberi perspektif yang lebih tepat tentang tujuan dan mandat **TH** untuk mengorak langkah lebih maju ke hadapan.

Idea di sebalik penubuhan **TH** adalah berlandaskan dua (2) prinsip utama, seperti yang terkandung dan dijelaskan di dalam Al-Quran seperti berikut:

“Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah (perjalanan ke Mekah) kerana Allah.” (Al-Quran 2:196)

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.” (Al-Quran 5:2)

Penubuhan **TH** telah membolehkan masyarakat Islam di Malaysia menabung wang dalam akaun simpanan berlandaskan Syariah, memandangkan tiada organisasi perbankan Islam wujud di negara ini sebelum tahun 1960an. Oleh kerana hanya perbankan konvensional yang ada ketika itu, bakal jemaah terpaksa menjual aset peribadi mereka bagi menampung kos haji dan menyebabkan kebanyakan mereka menjadi serba kekurangan sekembalinya dari menunaikan haji.

Bagi menangani situasi ini, pada Disember 1959, ahli ekonomi terkemuka Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, yang kemudiannya memegang jawatan Naib Canselor Universiti Malaya, membuah idea untuk menubuhkan sebuah organisasi yang berfungsi mengurus simpanan umat Islam bagi persediaan menunaikan fardu haji.

Looking back 57 years ago, the establishment of Lembaga Tabung Haji (**TH**) was borne out of a sense of religious duty and responsibility for the welfare of Muslims and these were keys in bringing **TH** to where it is today. To evaluate its current position, it is important to understand the origin which will put into perspective **TH**'s purpose and mandate to continue its progress.

The idea behind the inception of **TH** was founded based on two (2) main principles, captured and described in the Qur'an as follows:

“Perform the Pilgrimage and the Umrah (visit to Makkah) for Allah.” (Qur'an 2:196)

“Help one another unto righteousness and pious duty.” (Qur'an 5:2)

The establishment of **TH** has enabled Malaysian Muslims to save their money gradually in a Shariah-based savings account, as there was no Islamic banking establishment in the country before the 1960s. As only conventional banking was available then, prospective pilgrims resorted to selling their personal assets to pay for hajj, which had left many of them poorer when they returned.

To address this situation, in December 1959, Royal Professor Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, a renowned economist and later vice-chancellor of Universiti Malaya, conceived the idea of establishing an organisation to manage the savings of Muslims in preparation for hajj.

Intipati idea berkenaan adalah penubuhan sebuah organisasi awam dengan tujuan utama untuk membantu bakal haji menabung bagi menunaikan haji tanpa mendatangkan kesan negatif kepada kewangan dan ekonomi mereka. Sebagai tambahan, mereka akan menerima agihan keuntungan secara berkala bagi meningkatkan baki simpanan dan memberi peluang kepada umat Islam untuk menunaikan fardu haji lebih awal. Di samping itu, organisasi berkenaan juga akan menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia di semua peringkat haji, bermula dari Malaysia dan di tanah suci sehingga mereka kembali ke Malaysia setelah selesai haji.

Berdasarkan asas-asas utama ini, Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH) ditubuhkan pada tahun 1963. PWSBH kemudian bergabung dengan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji pada tahun 1969 dan dinamakan Lembaga Urusan Tabung Haji. Pada tahun 1995, ia ditukar nama menjadi Lembaga Tabung Haji (**TH**).

TH telah berkembang pesat sejak tahun 1963. Dari hanya 1,281 pendeposit dengan jumlah simpanan sebanyak RM46,610, **TH** kini mempunyai sekitar 9 juta pendeposit dengan dana bernilai lebih RM70 bilion. Semenjak penubuhannya, **TH** secara konsisten berusaha keras untuk melaksanakan kewajipannya sehingga diiktiraf sebagai salah satu penyedia perkhidmatan haji terbaik di dunia. Pada masa hadapan, **TH** berwawasan untuk menjadi model pengurusan haji dan dana bertaraf dunia dengan menggabungkan pengambilan deposit, pelaburan dan pengurusan haji, semuanya di bawah satu organisasi.

Di bawah Akta Tabung Haji (Akta 535), mandat asal **TH** hanyalah untuk mengumpul deposit dari bakal jemaah haji Malaysia. Tanpa beralih daripada mandat penubuhannya, peranan utama **TH** kini telah berkembang dengan menjadi sebuah organisasi merangkumi model perniagaan tiga (3) teras yang unik, terdiri daripada Pentadbiran Dana, Operasi dan Pengurusan Haji.

The essence of the idea is that a public corporation is to be founded with the ultimate goal of helping pilgrims save for hajj without any negative impact to their finances. In addition, they should receive regular profit distributions that will increase their savings balance and this can help them to go for hajj earlier. In addition, the Corporation would also provide proper care for Malaysian pilgrims throughout all stages of hajj, starting from Malaysia, during their time in the holy land and until they return to Malaysia after the completion of hajj.

It was based on these basic fundamentals that the Prospective Hajj Pilgrims Savings Corporation (Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji or PWSBH) was set up in 1963. PWSBH later merged with the Hajj Affairs Management Office in 1969 and was named Lembaga Urusan dan Tabung Haji. In 1995, it was then renamed to Lembaga Tabung Haji (**TH**).

TH has grown by leaps and bounds since 1963. From only 1,281 depositors with total savings of RM46,610, **TH** now has about 9 million depositors with funds worth more than RM70 billion. Since its inception, **TH** has consistently went the extra mile to carry its religious duty and is today recognised as one of the best hajj services providers in the world. In the future, **TH** aspires to be a world-class model in hajj and fund management with deposit-taking, investment and hajj management, all under one establishment.

Governed by the Tabung Haji Act 1995 (Act 535), **TH's** original mandate was merely to collect deposits from prospective Malaysian pilgrims. With the evolution of its key roles while staying true to its mandate, **TH** is now transformed into an organisation which embodies a unique three (3) pillar business model, consisting of Fund Administration, Operations and Hajj Management.

Dalam urusan harian, tiga (3) teras ini saling berkaitan dan saling mendukung antara satu sama lain. Pentadbiran dana yang baik dengan pulangan hasil yang mampan akan mampu membiayai pengurusan haji dan menanggung kos haji, manakala proses haji yang baik dapat disediakan menerusi sokongan daripada operasi cawangan yang berkesan.

Secara mudahnya, setiap satu daripada tiga (3) teras ini saling membantu untuk **TH** mengimbangi sebaiknya di antara dua tanggungjawab, iaitu “Tabung” (pengurusan dana) dan “Haji” (pengurusan haji). Dalam erti kata lain, selain daripada memberikan perkhidmatan cemerlang kepada jemaah haji untuk memperoleh Haji Mabrur, **TH** komited untuk memperkukuh ekonomi ummah dengan memastikan pelaburan mampan dan stabil bagi memelihara dan meningkatkan dana pendeposit melalui pulangan halal dan toyyiban.

TH sentiasa menilai dan memastikan ia bergerak selari dengan objektifnya. Pada masa yang sama, **TH** mengurus isu-isu utama termasuk penyediaan pakej haji yang berpatutan, pulangan yang stabil (agihan keuntungan), pengeluaran atau permintaan akses kepada deposit berdasarkan permintaan dan memastikan kos operasinya pada tahap yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan **TH** bertekad untuk sentiasa mempertahankan tujuan asal **TH** dan bertindak balas terhadap isu serta peluang semasa untuk mengukuhkan asas **TH** dengan mengguna pakai sumber sedia ada. Kami akan sentiasa mempertingkat usaha dan melaksanakan penambahbaikan berterusan yang diperlukan.

Pengukuhan asas **TH** memerlukan pendekatan holistik dan melalui proses yang panjang melibatkan penilaian keadaan dan prestasi semasa **TH**, pembangunan strategi baru dan model perniagaan, serta pelan pelaksanaan masa hadapan yang lancar bagi menggerakkan model dan strategi berkenaan.

In practice, these three (3) pillars are closely interrelated, with the objective of one pillar supporting the objective of the other. Good fund management which generates sustainable returns will help fund excellent hajj management and support hajj costs, whereas excellent hajj processes can be provided through the support of a highly effective operation and branch network.

In simpler terms, each of the three (3) pillars work hand-in-hand to help **TH** maintain the right balance between its dual-responsibility, which are the “Tabung” (fund administration) and “Haji” (hajj management) roles. In this sense, apart from providing exceptional services to pilgrims in search of a Mabrur Hajj, **TH** is committed to strengthening the economy of the ummah by ensuring sustainable investments to preserve and enrich the depositors’ funds with halal and toyyiban returns.

TH is therefore always evaluating to keep itself in line with its objectives, while at the same time, navigate the main issues surrounding **TH** which include affordable hajj packages, stable returns (profit distribution), withdrawal or access to deposits on demand, and keeping its operational cost to a reasonable level.

The management is determined to constantly maintain **TH**’s purpose and respond to current issues and opportunities to strengthen the foundation of **TH**, while not to lose our agility and misalign our resources. We will not rest on our laurels and will continue to make necessary improvements.

Strengthening the foundation of **TH** requires a holistic approach and a thoughtful process, involving assessments of **TH**’s current state and performance, development of new strategies and business model, as well as formulation of a seamless implementation plan for the said strategies and model moving forward.

Inisiatif ini merupakan lanjutan kepada pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh **TH** sebelum ini bagi melindungi dana pendeposit dan kebajikan jemaah haji. Berdasarkan pengalaman **TH**, perjalanan menuju kejayaan bukan selalunya mudah. Kami mengakui terdapat penurunan deposit kepada RM69.4 bilion pada tahun 2019. Walaupun demikian, penstrukturan dan pemulihan telah berjaya menstabilkan dana dan **TH** bangkit semula dengan peningkatan saiz dana lebih daripada RM6.5 bilion kepada RM75.9 bilion pada hujung tahun 2020. Ini merupakan petanda positif bahawa keyakinan pendeposit telah kembali.

TH juga telah menerima pakai pendekatan perniagaan yang rasional dengan melunaskan aset yang berprestasi rendah dan pada masa yang sama sentiasa mencari kaedah strategik dan lestari untuk melabur bagi mendapatkan pulangan yang lebih baik untuk para pendeposit. Usaha telah diambil untuk memperkukuh tadbir urus dan pengurusan risiko ke arah menjadi “Institusi Islam yang Dihormati di atas Prestasi dan Tadbir Urus”.

TH juga berusaha keras untuk memperkukuh kedudukannya dan kekal relevan pada abad yang akan datang. Kami menerapkan amalan terbaik tadbir urus dan menambahbaik model perniagaan kami untuk menjadi sebuah institusi Islam yang berwibawa dalam pengurusan haji dan dana – selaras dengan asas-asas utama penubuhan **TH**.

This initiative is a continuation of the many previous efforts that **TH** has done in order to protect depositors and the welfare of hajj pilgrims. As we have seen from **TH**'s past experiences, the journey to success is not always easy. We acknowledge the slip in the deposits to RM69.4 billion in 2019. Nonetheless with our restructuring and reforms, we have managed to stabilise deposits with an increase of more than RM6.5 billion to reach RM75.9 billion as at end of 2020. This is a positive sign that our depositors' confidence is back.

TH has also adopted a rational business approach by liquidating underperforming assets while constantly looking into other strategic and sustainable ways of investing our funds to gain better returns for our depositors. Efforts have been made to strengthen our governance and risk management in order to become “A Respected Islamic Institution for its Performance and Governance”.

TH is also seriously looking into strengthening its foothold and staying relevant for the next century. We are putting in place best practices in governance and refining our business model to become an Islamic institution reputed for its hajj and fund management – in line with the basic fundamentals behind the initial establishment of **TH**.

SOROTAN UTAMA

Key Highlights

TH meneruskan beberapa inisiatif dan program korporat yang memberi impak positif kepada masyarakat umum dan pemegang taruh di sepanjang tahun 2019, selari dengan enam (6) teras utamanya ke arah mencapai matlamat mewariskan sebuah institusi Islam yang dihormati atas pencapaian serta tadbir urus yang baik kepada generasi akan datang.

Pada awal April 2019, **TH** telah mengumumkan pembayaran Hibah 2018 dengan kadar 1.25 peratus melibatkan pembayaran sebanyak RM923 juta bagi menghargai sokongan dan kesetiaan pendeposit **TH** seluruh negara. Pembayaran Hibah 2018 ini berdasarkan kemampuan dan mematuhi peruntukan Akta Tabung Haji 1995.

Pengurusan haji merupakan salah satu teras penting **TH** dan terus diperkukuh melalui penambahbaikan dan pelaksanaan perkhidmatan baru yang lebih cekap serta memuaskan hati jemaah haji pada kos yang munasabah. Operasi haji bagi tahun 1440H/2019M berjalan lancar tanpa sebarang insiden besar yang mengganggu perjalanan ibadat haji para jemaah haji negara.

TH terus diberi kepercayaan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk melaksanakan program Pra-perlepasan Imigresen Arab Saudi di KLIA dan pengenalan program rintis EYAB di Lapangan Terbang King Abdul Aziz, Jeddah dan Lapangan Terbang Prince Mohammed bin Abdulaziz, Madinah bagi memudahkan urusan perjalanan pulang jemaah haji Malaysia ke tanah air. Kedua-dua inisiatif ini berhasil mengurangkan tempoh menunggu di lapangan terbang.

Selaras dengan fungsi utama **TH** untuk mengurus dan menjaga kebajikan para jemaah haji, sumbangan terbesar **TH** adalah tanggungan kos haji. Pada Musim Haji 1440H/2019M, **TH** menanggung hampir sebanyak RM300 juta tanggungan haji dan jumlahnya dijangka terus meningkat akibat kenaikan kos mengerjakan haji saban tahun. Sejak tanggungan kos haji diperkenalkan pada tahun 2001, jumlah keseluruhan tanggungan kos haji **TH** sudah melebihi RM1.9 bilion.

Tanggungan kos haji bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan bakal-bakal haji Muassasah yang menunaikan haji buat kali pertama. Selain tanggungan kos haji, keselamatan, kebajikan serta keselesaan para jemaah haji negara terus diberi keutamaan oleh **TH** dengan perkhidmatan dan kemudahan terbaik yang disediakan semasa di Malaysia dan tanah suci.

TH continued to implement various positive initiatives and corporate programmes that benefited the public and key stakeholders throughout 2019 in line with its six (6) thrusts, towards becoming an Islamic institution respected for its performance and governance.

In early April 2019, **TH** announced the payment of Hibah 2018 at the rate of 1.25 per cent, involving a payment of RM923 million, to value the support and loyalty of the depositors nationwide. The payment of Hibah for 2018 was based on our financial capacity and in line with the provisions of the Tabung Haji Act 1995.

Hajj management is one of the core pillars of **TH** and it continues to be strengthened through the enhancement and implementation of efficient and satisfactory services to pilgrims at a reasonable cost. The 1440H/2019M hajj operations were carried out smoothly without any major incidents.

The government of the Kingdom of Saudi Arabia continues to entrust **TH** with its Pre-departure Immigration Clearance programme in KLIA and the introduction of its EYAB pilot programme at the King Abdul Aziz Airport in Jeddah and Prince Mohammed bin Abdulaziz Airport in Madinah which facilitated the return journey of the Malaysian pilgrims. Both initiatives have proven to be successful in reducing the waiting time at the airport.

As Malaysia's hajj management body, **TH's** most significant contribution is the hajj financial support. For the 1440H/2019M Hajj Season, **TH** spent almost RM300 million for hajj financial support and the amount is expected to increase as the hajj cost continues to rise every year. Since it was introduced in 2001, the total hajj financial support has exceeded RM1.9 billion.

The hajj financial support is part of **TH's** effort to ease the financial burden of first-time Muassasah pilgrims. Apart from that, **TH** places its utmost priority on the safety, welfare and comfort of the pilgrims by providing the best facilities and services while in Malaysia and in the Holy Land.

SOROTAN UTAMA | Key Highlights

TAHUN YEAR	KOS HAJI HAJJ COST (RM)	BAYARAN HAJI HAJJ PAYMENT (RM)	TANGGUNGAN KOS HAJI HAJJ FINANCIAL SUPPORT (RM)
2015	17,270	9,980	7,290
2016	18,890	9,980	8,910
2017	19,550	9,980	9,570
2018	22,450	9,980	12,470
2019	22,900	9,980	12,920

Selain itu, **TH** juga meneruskan Program Dana Tabung Warga Tua (TWT) bagi membiayai bakal haji warga emas yang terpilih menunaikan haji tetapi mempunyai masalah untuk mencukupkan wang bayaran haji mereka. Pada Musim Haji 1440H/2019M, seramai 50 orang warga emas telah diberi bantuan pembiayaan haji melibatkan peruntukan sebanyak RM386,976.

Semasa di tanah suci, **TH** melaksanakan program Jemaah Haji Warga Emas (JHWE) bagi menjaga kebajikan jemaah haji warga emas ketika operasi Masya'ir. Seramai 50 orang warga emas terpilih telah diletakkan di bawah jagaan petugas haji terlatih dan diberi bantuan khidmat pengurusan diri serta bimbingan ibadat secara berkumpulan.

Pengurusan **TH** turut mengadakan sesi ziarah waris-waris jemaah haji yang meninggal dunia di tanah suci sebagai tanda sokongan dan menyerahkan sumbangan Khairat kematian bagi meringankan beban keluarga dan waris. Pada musim haji lalu, **TH** turut melaksanakan badal haji untuk lapan (8) jemaah haji yang meninggal dunia sebelum Wuquf.

In addition to the hajj financial support, **TH** continues to provide partial financial aid for senior citizens who are selected for pilgrimage but are facing financial difficulties to fulfil their hajj payment under its Senior Citizens' Fund (TWT) programme. For the year 1440H/2019M, 50 senior citizens received financial aid for hajj pilgrimage involving an allocation of RM386,976.

TH also continued its Senior Pilgrims programme (JHWE) to take care of its senior citizen's welfare during the Masya'ir operation. The last hajj season saw 50 senior pilgrims placed under the care of trained hajj officers and were given assistance in managing themselves as well as guidance in performing their ibadah in groups.

As a caring and supportive organisation, **TH** management maintained its practise of visiting the families of pilgrims who had passed away in the Holy Land, to hand over *Khairat* contribution to help ease the burden of their family members. In the recent hajj season, **TH** had also performed *badal haji* for eight (8) pilgrims who passed away before *Wuquf*.



Manakala operasi **TH** juga turut diperkukuhkan dengan mengguna pakai kaedah yang efisien dan terkini bagi memenuhi jangkaan pelanggan sekali gus memperkembangkan dana yang diurus. Pada penghujung 2019, **TH** telah memperkenalkan akaun deposit berasaskan Wakalah menggantikan konsep Wadiah Yad Dhamanah agar **TH** dapat meluaskan aktiviti pemasaran produk serta perkhidmatan. Ia juga selari dengan konsep Syariah yang diguna pakai oleh industri kewangan Islam sama ada di Malaysia mahupun global.

Selain lawatan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** ke pejabat-pejabat cawangan, Majlis Persidangan di antara Pengurusan dan **TH** Cawangan turut diadakan bagi membincang isu-isu yang dihadapi oleh cawangan. Sesi ini memberi peluang kepada Pengurusan Tertinggi mengetahui kekangan yang berlaku di peringkat cawangan dan berusaha mencari penyelesaian terbaik bagi memberi perkhidmatan cemerlang kepada pendeposit.



TH turut mengamalkan tadbir urus dan pengawasan berkesan dengan melakukan penyusunan semula organisasi berdasarkan tiga (3) tunggak utama iaitu pengurusan haji, pentadbiran dana dan operasi serta mewujudkan unit sokongan dan unit bebas. Mekanisme tadbir urus turut diperkukuhkan bagi mengawal pengambilan risiko pelaburan berlebihan selain memperkenalkan sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) dalam pengurusan organisasi.

Bakat dan kemahiran dalaman juga menjadi fokus utama bagi memastikan kesinambungan operasi. Pelbagai bentuk latihan dan kursus kemahiran telah dianjurkan bagi membangun bakat-bakat yang berpotensi untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam **TH**.

TH's operations were also strengthened by adopting efficient and up-to-date methods in meeting customers' expectations while expanding funds under management. At the end of 2019, **TH** has introduced *Wakalah*-based deposit accounts to replace the *Wadiah Yad Dhamanah* concept in an effort to further expand marketing activities of **TH** products and services. *Wakalah* is in line with the Shariah concept applied by the Islamic finance industry in Malaysia and globally.

Apart from official visits by the Group Managing Director and Chief Executive Officer to branches, the Management Conference with **TH** branch offices also took place in October 2019 to discuss issues faced by the respective offices. It provided an avenue for Senior Management to understand any issues at the branch level and make every effort to find the best solutions towards delivering excellent services to the depositors.



TH has also reviewed and restructured its organisational structure to improve governance and oversight further. The organisation is now based on three (3) main pillars namely hajj management, fund administration and operations as well as support units and independent units to complement its core activities. Governance mechanisms were also strengthened to manage excessive risk-taking of investment as well as introduce the Anti-Bribery Management System (ABMS) in organisational management.

Internal talent and skills development are the main focus in ensuring the continuity of service operations. Various training programmes have been organised to develop potential talents to fill important positions in **TH**.

SOROTAN UTAMA | Key Highlights

Skim Biasiswa **TH** diteruskan bagi membantu anak-anak anggota dan pesara **TH** yang memperoleh pencapaian akademik cemerlang dalam peperiksaan SPM dan Lepas Pra Universiti melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan di peringkat ijazah pertama dalam bidang yang berkaitan dengan operasi perniagaan **TH**.

Setelah tamat pengajian, pemegang biasiswa **TH** diberi latihan melalui Program Pelatih Pengurusan **TH** selama setahun sebagai persediaan dan pendedahan kepada alam pekerjaan. Program ini merupakan kesinambungan kepada Skim Biasiswa **TH** dan telah melibatkan seramai 25 orang pelatih. Melalui program ini, para pelatih berpeluang merasai proses dan budaya kerja di **TH** melalui penempatan di beberapa jabatan di **TH** secara bergilir selama dua (2) bulan dalam tempoh setahun. Pelatih terlibat akan diserap ke **TH** selepas tamat menjalani tempoh tersebut.

The **TH** Scholarship Scheme continued to support the children of **TH**'s staff and retirees who obtain excellent academic achievement in SPM examination and Pre-University level to pursue their undergraduate studies at local institutions of higher learning in fields related to **TH** business operations.

Upon graduation, **TH** scholarship holders are given training through the Management Trainee Programme for a year in preparation and exposure to the corporate world. This programme is a continuation of the **TH** Scholarship Scheme involving 25 trainees. Through this programme, trainees have the opportunity to experience the process and work culture in **TH** through placement in several departments on a two (2) month rotation basis within one (1) year. Management trainees will later be recruited into **TH** after completing the training.



Beberapa lantikan baru bagi mengisi jawatan-jawatan penting juga telah dilakukan bagi memperkukuhkan struktur Pengurusan dan operasi **TH**. Pada bulan September, YBhg Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif baharu menggantikan YBhg Dato' Sri Zukri Samat yang tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Ogos 2019.

Several new appointments to fill key positions have also been made to strengthen **TH**'s Management and operational structure. In September, YBhg Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff was appointed as the new Group Managing Director and Chief Executive Officer to succeed YBhg Dato' Sri Zukri Samat who completed his service on 31 August 2019.

Selain mewujudkan komposisi aset alokasi strategik yang lebih berhemat sebagai panduan pelaburan dananya, **TH** turut menganjurkan beberapa program penting antaranya Forum Pelaburan Hartanah **TH** yang telah diadakan pada bulan Oktober 2019 untuk membincangkan situasi hartanah negara dan global bersama pakar-pakar hartanah yang berkecuali. Forum ini memberi peluang kepada Pengurusan **TH** merangka pelan pelaburan hartanah yang lebih berkesan untuk manfaat masa hadapan.

In addition to creating a more prudent strategic asset allocation composition, **TH** also organised several important programmes including the **TH** Real Estate Investment Forum held in October 2019 to discuss current national and global real-estate situation with qualified real estate experts. The forum provided an opportunity for **TH** to formulate more effective real-estate investment plans.

Pada 18 Disember 2019, **TH** dan Standard Chartered Saadiq Bhd telah memeterai kerjasama jangka panjang melibatkan sektor hartanah di luar negara serta pelancongan. Melalui perjanjian ini, Standard Chartered Saadiq Bhd menyediakan kemudahan pembiayaan patuh Syariah dua (2) tahun berjumlah RM352.5 juta (GBP65 juta) kepada dua (2) anak syarikat milik penuh **TH** iaitu LTH Property Holdings Ltd untuk membiayai sebahagian daripada pengubahsuaian harta pejabat di London, sementara yang selebihnya digunakan bagi pembiayaan semula berjangka untuk hartanah pejabat kedua yang dimiliki oleh LTH Property Holdings 2 Ltd di Surrey, United Kingdom.



Bagi memenuhi tuntutan Islam, **TH** telah melunaskan pembayaran Zakat 2018 ke Pusat-pusat Zakat Negeri bermula pada bulan Mei 2019 dengan keseluruhan zakat berjumlah RM85.6 juta, meningkat sebanyak 26.6 peratus berbanding RM67.6 juta pada tahun 2017.

TH komited melaksanakan program-program zakat bagi membantu golongan asnaf di seluruh negara. Program zakat **TH** iaitu Iqra, Mobiliti dan Ikhtiar terus dilaksanakan pada tahun 2019 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak lebih RM8.6 juta, manakala Program Sahabat Korporat **TH** 2019 telah menerima sumbangan sebanyak RM9.3 juta dengan penyertaan 28 buah syarikat korporat yang telah menyumbang dana untuk tajaan produk dan wang tunai.

TH terus menerima kunjungan dan lawatan dari organisasi dalam dan luar negara yang ingin mempelajari cara pengurusan haji, simpanan dan pelaburan yang dijalankan oleh **TH**. Antaranya termasuk delegasi Republik Niger, Singapura, Thailand dan Indonesia.

TH turut menerima beberapa pengiktirafan dan anugerah atas kejayaan serta sumbangan yang diberi antaranya Anugerah Pembekal Data Terbaik, Anugerah ISO Pengurusan Sistem Keselamatan & Kesihatan serta Anugerah Inovatif & Kreatif Jabatan Perdana Menteri 2019.

On 18 December 2019, **TH** and Standard Chartered Saadiq Bhd entered into a long-term cooperation involving real-estate and tourism sectors abroad. Through this agreement, Standard Chartered Saadiq Bhd provides a two (2) year Shariah-compliant financing facilities worth RM352.5 million (GBP65 million) to two (2) wholly-owned subsidiaries of **TH** namely LTH Property Holdings Ltd, to finance part of the renovation of its property in London, while the rest is used for term refinancing of the second property owned by LTH Property Holdings 2 Ltd in Surrey, United Kingdom.



In fulfilling Islamic obligations, **TH** made its 2018 Zakat payment to State Zakat Centres nationwide beginning May 2019 amounting to RM85.6 million, an increase of 26.6 per cent compared to RM67.6 million in 2017.

TH is also committed in carrying out various zakat programmes aimed at assisting the asnaf nationwide. **TH**'s zakat programmes namely Iqra', Mobility and Ikhtiar continued to be implemented in 2019 with a total allocation of more than RM8.6 million. Meanwhile, the 2019 **TH** Sahabat Korporat Programme received total contributions of RM9.3 million from 28 participating corporate companies that had contributed cash and products.

TH continues to receive visits from local and foreign organisations that are keen to know more about hajj management, savings and investments. The delegations were from Niger Republic, Singapore, Thailand and Indonesia.

TH also received several awards and acknowledgements on its achievements and contributions which include, among others, the Best Data Provider Award, ISO Health and Safety Management System Award, as well as the Prime Minister Department's 2019 Innovation & Creative Award.

IBU PEJABAT TH

TH Headquarters



ARAB SAUDI
KONSULAT JENERAL MALAYSIA (URUSAN HAJI)
Consulate General Of Malaysia (Hajj Affairs)
7821, Bab Ali,
An Nuzlah Ash Sharqiyah,
Jeddah 21421 - n5025,
Kingdom of Saudi Arabia
Tel : +9662 6876 715
Faks I Fax : +9662 6873 661

MALAYSIA
LEMBAGA TABUNG HAJI
MENARA TH TUN RAZAK
201, Jalan Tun Razak,
50400, Kuala Lumpur
Tel : +603 2054 2000, +603 2054 2233,
+603 2054 2400
Faks I Fax : +603 2163 2308

Alamat UTC TH I TH UTC Address :

TH UTC KEDAH
Bangunan MBAS
Lot 3-11, Tingkat 3,
Jalan Kolam Air,
05675, ALOR SETAR
Tel : +604-736 0034
Faks I Fax : +604-736 0035

TH UTC PERAK
Lot 10 Tingkat 2,
Bangunan Urban Transformasi Centre (UTC),
Jalan Dato' Onn Jaafar,
30000, IPOH
Tel : +605-241 3293
Faks I Fax : +605-241 3492

TH UTC NEGERI SEMBILAN
L1.02 @ Angsana,
Seremban,
Jalan Seremban Kuala Pilah,
70400, AMPANGAN
Tel : +606-767 5225
Faks I Fax : +606-767 5335

TH UTC MELAKA
Lot 1-02, Aras 1, Bangunan UTC,
Jalan Tan Chay Yan,
Off Jalan Hang Tuah,
75300, MELAKA
Tel : +606-281 3218
Faks I Fax : +606-281 0437

TH UTC JOHOR
L03-UTC-02
Galleria @ Kotaraya,
Jalan Trus,
80000, JOHOR BHARU
Tel : +607-221 8226
Faks I Fax : +607-221 9226

TH UTC PAHANG
Lot 2-16, Aras 2,
Bangunan UTC Pahang,
Jalan Stadium,
25000, KUANTAN
Tel : +609-512 4888
Faks I Fax : +609-512 4777

TH UTC TERENGGANU
L1- UTC- 02, Tingkat 1,
Kompleks Paya Bunga Square,
Jalan Masjid Abidin,
20200, KUALA TERENGGANU
Tel : +609-631 2691
Faks I Fax : +609-625 2363

TH UTC KELANTAN
L1, 04, Lot 378,
Seksyen 16, Jalan Hamzah,
15050, KOTA BHARU
Tel : +609-743 8723
Faks I Fax : +609-743 7991

TH UTC SARAWAK
Aras 1, Unit 4.03,
Lot 218, 337 & 338, Seksyen 47,
Kuching Town Land District, Jalan Padungan,
93100, KUCHING
Tel : +6082-423 922
Faks I Fax : +6082-421 923

PEJABAT *TH* & PENGARAH NEGERI

TH State Office & Director

PERLIS

Nawawi Ishak
Tingkat Satu,
Lot 1483 & 1484,
Kompleks Perniagaan Seriab,
01000, KANGAR
Tel : +604-976 1650
Faks | Fax : +604-976 4137

KEDAH

Nawawi Ishak
No 5, Lot 3860,
Jalan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim,
06550, ALOR SETAR
Tel : +604-714 1212
Faks | Fax : +604-714 1717

PULAU PINANG

Mohamad Abas
Lot 5789 & 5790,
Jalan Dato' Ismail Hashim,
11900, BAYAN LEPAS
Tel : +604-641 2252
Faks | Fax : +604-641 2268

PERAK

Rozimin Ahamed Kamil
Aras 1 & 2, Menara *TH*,
Jalan Koo Chong Kong,
30000, IPOH
Tel : 05-243 5740
Faks | Fax : 05-243 5739

SELANGOR

Khairuddin Ahmad
Jalan SS 6/1,
Kelana Jaya,
47301, PETALING JAYA
Tel : 03-7874 1375
Faks | Fax : 03-7874 1140

WILAYAH PERSEKUTUAN

Khairuddin Ahmad
Aras Bawah & Aras 1, Menara *TH* Sentral,
Blok D, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470, KUALA LUMPUR
Tel : +603-2276 1444
Faks | Fax : +603-2276 1445

NEGERI SEMBILAN

Abu Shukor Jangga
Bangunan *TH*, Kompleks Terminal 1,
Jalan Lintang,
70000, SEREMBAN
Tel : +606-767 0050
Faks | Fax : +606-767 0053

MELAKA

Haji Mohamad Zahir Hussin@Yusof
Bangunan *TH*, Lot 250,
Jalan Banda Kaba, Peti Surat 205,
75740, MELAKA
Tel : +606-283 3270
Faks | Fax : +606-282 0506

JOHOR

Dato' Mohammad Mokhzani Mukhtar
Lot 20485, Menara *TH*,
Jalan Ayer Molek,
Peti Surat 210,
80720, JOHOR BAHRU
Tel : +607-223 0052
Faks | Fax : +607-224 8713

PAHANG

Datin Musalimah Mustaffa
Bangunan *TH*,
Lot. 35 Jalan Bukit Ubi,
25200, KUANTAN
Tel : +609-516 5533
Faks | Fax : +609-516 5534

TERENGGANU

Dato' Mohyen Mosman
Bangunan *TH*,
No.160 Jalan Sultan Ismail,
20200, KUALA TERENGGANU
Tel : +609-626 4566
Faks | Fax : +609-622 0811

KELANTAN

Amat Kassim Pait
Tingkat Mazzenine,
Menara *TH* Kota Bharu,
Jalan Doktor,
15000, KOTA BHARU
Tel : +609-743 4500
Faks | Fax : +609-743 4505

SABAH

Datin Nurlaila Said
Tingkat Bawah,
Jalan Sembulan,
Peti Surat 12908,
88832, KOTA KINABALU
Tel : +6088-233 893
Faks | Fax : +6088-221 758

SARAWAK

Zaiton Mohd Yusoff
Lot 16, 17 & 18, Jalan Satok,
Peti Surat 2603,
93752, KUCHING
Tel : +6082-233 093
Faks | Fax : +6082-419 721

TABUNG HAJI CONTACT CENTRE (THCC)

Tel : +603 6207 1919
Faks | Fax : +603 7728 4959
SMS : TH<jarak> [pertanyaan] hantar ke 33990
TH<space> [inquiry] send to 33990

Untuk senarai penuh Pejabat *TH* Cawangan, sila layari laman web rasmi *TH* di :
For complete list of *TH* Branches, please visit our *TH* official website at :
www.tabunghaji.gov.my

Sehingga Disember 2020 |
As at December 2020